


**Jilid III
Bil. 5**



**Hari Isnin
23hb Mac, 1981**

M A L A Y S I A

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 549]**

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 591]**

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL**,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO HUSSEIN ONN**, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**,
S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO LEE SAN CHOON**, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI**, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE**, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI**, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., P.M.K. (KOTA BHARU).

„ **MENTERI PELAJARAN, DATO MUSA BIN HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATO SHARIFF AHMAD**, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, **DATO MOHAMED BIN RAHMAT**, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATO RICHARD HO UNG HUN**, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, **DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN**, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

- Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdanan Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.P., A.M.N., S.M.S., (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).

- Yang Berhormat TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'AKUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATO AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECT CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

Yang Berhormat DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J.
(Ulu Padas).

- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M.
(Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P.
(Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA, S.A.P. (Maran)
- „ TUAN HUSSEIN BIN MOHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N.
(Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K.
(Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P.
(Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B.
(Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K.,
(Kota Belud).

- Yang Berhormat **TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH**,
D.S.K., B.K., P.P.M., (Hilir Padas).
- „ **TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF** (Kuantan).
- „ **TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS**, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ **TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM**, J.S.M. (Setapak).
- „ **TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD** (Baling).
- „ **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH**, S.M.K. (Bachok).
- „ **TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN**, P.I.S., S.M.J.
(Pagoh).
- „ **TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG** (Lubok Antu).
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT**, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- „ **DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN**, S.P.M.T., P.N.B.S.,
P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ **DATUK JAMES PETER ONGKILI**, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ **TUAN OO GIN SUN**, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ **TUAN PATRICK ANEK UREN** (Mas Gading).
- „ **TUAN P. PATTO** (Menglembu).
- „ **TUAN RACHA UMONG**, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ **DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR**, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P.
(Bagan Serai).
- „ **DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI**, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ **DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN**, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ **TUAN SEOW HUN KHIM** (Bukit Mertajam).
- „ **TUAN SHAARI BIN JUSOH**, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH**, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).
- „ **PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED**, A.M.N., B.S.I., P.S.I.
(Semerah).
- „ **TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG** (Ulu Rajang).
- „ **TAN SRI DATO AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ**, P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN** (Julau).
- „ **TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED**, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ **TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG** (Lambir).
- „ **TUAN TAN KOON SWAN**, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ **DR TAN TIONG HONG** (Kepong).

- Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B.
(Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN
MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalthom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 23hb Mac, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat
Datuk Stephen Yong Kuet Tze.

Datuk Edwin anak Tangkun: Tuan Yang
di-Pertua, soalan yang pertama.

L.P.N.—BEKALAN BERAS KE SARAWAK

1. Datuk Edwin anak Tangkun (*di bawah*
S.O. 24(2)) minta Menteri Perusahaan Awam
menyatakan adakah beliau sedar bahawa
oleh kerana sistem menyimpan beras, beras
yang dikeluarkan dan dijual kepada
orangramai di Sarawak selalunya kurang baik
dan sekiranya betul, dapatkah beliau
menimbang merancang satu sistem yang lebih
baik untuk memperbaiki keadaan ini.

27. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri
Perusahaan Awam menyatakan sama ada
beliau sedar bahawa Lembaga Padi dan Beras
Negara telah membekalkan beras yang
kurang baik mutunya kepada Negeri
Sarawak; jika ya, apakah langkah yang akan
diambil untuk memastikan bekalan beras
mutu baik masa yang akan datang.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka
Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, saya
mohon izin untuk menjawab kedua-dua
soalan yang hampir sama iaitu daripada Ahli
Yang Berhormat dari Padawan dan juga
soalan No. 27 dari Ahli Yang Berhormat dari
Sarikei yang akan disoal pada hari ini.

Tuduhan Ahli Yang Berhormat dari
Padawan bahawa beras yang dibekalkan dan
dijual di Sarawak selalunya tidak baik adalah
tidak benar. Untuk makluman, beras yang
dibekalkan ke negeri tersebut adalah
daripada beras yang diimport terus dari
negara-negara pengimport. Semasa
perjanjian dibuat dan kontrak bekalan diikat,
adalah ditentukan bahawa beras yang hendak
dibekalkan itu adalah beras baru dan serupa
dengan contoh-contoh yang telah
dikemukakan.

Buat masa ini oleh kerana kemudahan
simpanan negeri Sarawak adalah tidak
mencukupi, maka sebahagian dari bekalan
beras yang sepatutnya dibekalkan ke
Sarawak adalah disimpan di Semenanjung di
dalam gudang-gudang yang ada. Sementara
dalam simpanan, usaha-usaha adalah diambil
supaya memastikan beras-beras itu tidak
rosak. Apabila diperlukan pemindahan beras
ke Sarawak untuk memenuhi permintaan,
beras-beras yang ada dalam simpanan itu
adalah dibersihkan dahulu sebelum
diedarkan ke pasaran di Sarawak. Ini adalah
dibuat setiap kali beras itu sampai ke negeri
tersebut kerana semasa beras tersebut sampai
ke Sarawak, ianya masih lagi di dalam
keadaan belum dibersihkan atau di kilang
semula oleh kerana aktiviti-aktiviti ini akan
hanya dibuat sesudah beras itu sampai.

Bahkan pembungkusan beras-beras itu
adalah dalam keadaan seperti asalnya ia
dibawa masuk dari negeri eksport dan hanya
selepas sampai ke Sarawak baru dibungkus
semula untuk pengedaran.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang
Berhormat juga, beras yang dibekalkan ke
Sarawak terdiri daripada berbagai jenis
termasuk jenis mutu tinggi, mutu sederhana,
beras hancur dan juga beras-beras gred

sample dan beras pulut. Ini adalah sematamata untuk memenuhi berbagai permintaan yang ada di dalam negeri Sarawak sendiri.

Adalah dimaklumkan juga bahawa sepanjang tahun 1980 LPN telah membekalkan sebanyak 83,171 tan beras ke negeri Sarawak yang terdiri daripada 34,625 tan beras mutu tinggi, 6,940 tan beras mutu sederhana, 37,513 tan beras hancur dan 4,093 tan beras mutu rendah dan beras jenis lain-lain. Keseluruhan beras tersebut adalah beras baik melainkan 1,600 tan yang mana adalah beras yang telah disimpan beberapa ketika di dalam gudang stokpail di Semenanjung Malaysia sebelum dipindahkan ke negeri Sarawak.

Pada bulan Januari, 1981 sebanyak 1,800 tan beras mutu sederhana yang telah disimpan di gudang simpanan stokpail di Semenanjung telah dipindahkan ke Sibu, Negeri Sarawak. Beras tersebut adalah baik tetapi oleh kerana ianya telah disimpan lama sedikit, beras tersebut perlu diproses semula (dibersihkan) sebelum dibekalkan kepada pengguna-pengguna. Ini adalah amalan biasa LPN kerana LPN tidak membekalkan beras ke dalam pasaran sebelum tindakan membersihkan dan memproses semula dijalankan.

Sukacita saya maklumkan bahawa untuk mempercekapkan lagi Operasi Mengilang dan menyimpan beras di Sarawak, gudang-gudang baru telah dan sedang dibina oleh LPN yang mana gudang-gudang ini akan disediakan dengan alat pembersihan untuk membolehkan beras yang disimpan lama dibersihkan terlebih dahulu dengan lebih cekap sebelum dijual kepada pengguna.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai bekalan-bekalan beras baru-baru ini yang dihantar ke Sibu lebih kurang 40,000 beg sepertimana Yang Berhormat Menteri kata beras yang baik, adakah Yang Berhormat Menteri sendiri tengok beras itu, di mana saya sendiri ada tengok dengan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar apabila kami berada di Sibu, di Godown No. 6, satu Godown yang sangat terkenal di Sibu di mana ada beg-beg beras yang menunjukkan bukan beras yang baik tetapi beras yang sebenarnya tidak layak

untuk dimakan oleh manusia mungkin oleh kerana distok sangat lama patut dicondemn untuk feed stock. Adakah Kementerian yang berkenaan boleh ambil tindakan supaya stok-stok itu digantikan dengan beras yang baik?

Tuan Yang di-Pertua: Jika tidak salah ingatan saya, Yang Berhormat Menteri menjawab tadi hanya 1,600 tan yang jenis mutu rendah. Tetapi tentang 40,000 beg ini, Yang Berhormat sila!

Datin Paduka Rafidah Aziz: Sebenarnya apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu ialah mengenai satu stok beras yang memang ada di Godown di Sibu yang mana beras ini bukan untuk jualan di pasaran tetapi adalah beras yang wujudnya akibat satu pertikaian yang telah berlaku dalam shipment yang mana beras ini tidak boleh pada masa ini dijual oleh L.P.N. ataupun dipindah milik kepada sesiapa oleh kerana beras itu masih dalam pertikaian undang-undang iaitu ada insurans yang masih belum selesai penyelesaiannya, jadi beras ini mesti intact di situ, L.P.N. tidak boleh buat apa-apa. Ini adalah an issue mengenai legal, ada lagi sebab yang lain seperti insurans dan sebagainya; pertikaian lama yang belum selesai. Dan selepas penyelesaian dibuat oleh pihak Adjusters insurans maka barulah L.P.N. dapat diperintahkan mungkin oleh pihak tertentu sama ada boleh dijual ataupun apa juga yang hendak dibuat kepada beras itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Menteri sudah dapat maklumat-maklumat yang salah oleh kerana apabila kita melawat gudang itu kita nampak satu bahagian beras yang rosak, mungkin ada termasuk air laut atau apa-apa. Itu bahagian yang lain dan bukan rakyat di Sibu, rakyat di Sarikei dan lain-lain kawasan di mana beras-beras yang kita sebut akan dibekalkan dengan beras-beras itu. Beras yang rosak itu bukan beras yang menjadi benda adjusters atau insurance claim, tetapi beras untuk dibekal kepada rakyat dan Pengarah LPN pun ada pergi ke Sibu untuk menengok beras itu dan dia mengatakan bahawa beras itu boleh dimakan oleh orang yang ekonominya rendah, orang-orang kaya, Menteri-menteri mungkin tidak boleh makan. Tetapi bolehkah Yang Berhormat

Menteri membuat satu siasatan yang sedalam-dalamnya bukan sahaja dengar maklumat-maklumat daripada kakitangan-kakitangan LPN, oleh kerana ini satu perkara yang rakyat di Sibü dan di Sarikei sangat marah. Adakah warganegara

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah soalan tambahan itu sebagai

Tuan Lim Kit Siang: Second-class citizen mesti makan beras yang tidak baik.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pergi menengok sample beras yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu. Sebenarnya saya sudah katakan tadi beras ini datang dalam bentuk asal dari mana diimport; beras ini adalah beras daripada Filipina yang mana beras itu oleh kerana tidak dapat dihantar ke Kucing serta-merta kerana simpanan di sana tidak cukup dan bukan sahaja tidak cukup simpanan di sana belum begitu sempurna. Saya akui memang ada kerosakan berlaku kerana air, kerana tidak begitu sempurna, itulah sebabnya kita hendak membaiki gudang-gudang, maka beras itu telah disimpan di Semenanjung buat sementara waktu dan apabila dikehendaki maka beras ini telah dihantar ke Sibü. Apa yang telah dibangkitkan atau dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya percaya ialah di mana sebahagian kecil daripada beras ini telah rosak di pelabuhan akibat off-loading, saya diberi makluman. Dan juga beras ini sebenarnya bukan akan dijual berbentuk itu kepada pengguna, beras ini memang begitu keadaan; setiap kali dihantar ke Sibü adalah berbentuk itu diproses, dikilang semula. Ini yang pentingnya, mesti dikilang semula, diproses kemudian dijual dan beras itu sempurna balik seperti gred asalnya. Ini adalah proses menyimpan yang menyebabkan dia jadi rupa begitu.

Seperti saya katakan tadi di Sarawak ini permintaan, market demandnya adalah berbagai bentuk. Saya telah beri beberapa perangkaan beras mutu tinggi pun kita hantar, beras mutu rendah pun kita hantar, beras hancur pun mereka hendak. Ini adalah demand atau permintaan pengguna; kita mesti tunaikan. Kalau dia hendak beras mutu itu, kita mesti beri; kalau hendak beras mutu tinggi kita hantar juga.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, beras-beras yang kita tanya bukan beras-beras yang rosak, oleh kerana off-loading tetapi consignment yang sepenuhnya dan adakah LPN atau Kementerian yang berkenaan mempunyai satu dasar di mana apabila beras sudah rosak direproses untuk orang-orang yang miskin yang dikatakan oleh Pengarah LPN dalam suratkhbar-suratkhbar di Sarawak yang menunjukkan bahawa LPN ada dua jenis beras, satu jenis untuk orang kaya dan satu jenis untuk orang miskin.

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak payah jawab, Yang Berhormat Menteri sudah jawab tadi. Ini permintaan daripada pihak di sana hendak dipaksa orang itu makan gred tinggi, dia hendak makan gred yang bawah sudah biasa, jadi macamana hendak dipaksa lagi, tidak payah jawab. (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini saya menjelaskan jawapan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya bukan bertanya mengenai beras gred baik dan beras gred tidak baik. Ada berjenis-jenis gred beras, tetapi beras yang sudah rosak yang hendak diproseskan adalah untuk orang-orang yang miskin; itu bukan gred baik dan gred yang tidak baik.

Datin Paduka Rafidah Aziz: LPN tidak pernah menjual beras rosak kepada pasaran pengguna. Beras rosak adalah dijual kepada orang-orang yang hendakkan beras itu untuk feed-mill misalnya, untuk dijadikan makanan haiwan. Beras ini tidak rosak, beras ini beras elok, kebetulan telah disimpan lama sedikit, lebih kurang tiga bulan dan apabila sampai di Sarawak mesti diproses semula dikilang semula

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, Yang Berhormat sudah jawab tadi, tetapi Yang Berhormat dari Petaling tidak mahu dengar juga.

Yang Berhormat Tuan Chan Teck Chan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:
Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 2.

**KENAIKAN HARGA PETROLEUM/GULA/
BESI/SUSU/ROTI/TEPUNG GANDUM/
SIMEN**

2. **Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad** (*di bawah S.O. 24(2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa dalam tempoh bulan Mac 1980 hingga Mac 1981 ini, berapakah jenis barang-barang kawalan dan bukan terletak di bawah kawalan ini telah diluluskan permohonan kenaikan harganya, dan berapakah jenis barang-barang tersebut telah dinaikkan harga dua kali atau selebihnya, apakah sebabnya gula dinaikkan harga melebihi 40% dan apakah sebabnya simen diizinkan dijual sebanyak \$11—13 (melebihi harga \$8.20 satu bag yang ditetapkan) di pasaran baru-baru ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh bulan Mac, 1980 hingga Mac, 1981 terdapat lapan barang kawalan iaitu barang-barang petroleum, gula, besi, susu pekat manis, susu tepung, roti, tepung gandum dan simen telah diluluskan permohonan kenaikan harganya oleh Kerajaan. Susu pekat manis telah dibenarkan dinaikkan harganya sebanyak tiga kali, barang-barang petroleum, gula dan besi sebanyak dua kali manakala susu tepung, roti, tepung gandum dan simen sekali.

Oleh kerana saya akan makan masa yang panjang untuk membaca satu persatu kenaikan harga barang-barang tersebut, saya minta izin untuk memberikan butir-butir lanjut kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.

Mengenai barang-barang yang bukan di bawah kawalan, saya tidak dapat memberi maklumat mengenai kenaikan harga oleh kerana kenaikan harganya tidak kena diluluskan oleh Kementerian saya.

Berhubung dengan kenaikan harga gula, soalan ini telahpun saya jawab di Dewan yang mulia ini pada 17hb Mac, 1981 semasa saya

menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan saya tiada apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

Mengenai harga simen pula saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan tidak pernah mengizinkan penjualan simen pada harga \$11—\$13 sebeg. Penjualan tersebut adalah secara haram dan tidak dibenarkan.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pengguna-pengguna tidak dapat memperolehi simen-simen dengan harga yang ditetapkan oleh Kerajaan secara rasminya, umpamanya \$8.20 kecuali dengan harga diantara \$11 hingga \$13, tetapi dengan tidak dikeluarkan bil-bil atau resit-resit, dia bayar cash.

Dato' Lew Sip Hon: Kalau Ahli Yang Berhormat itu ada bukti dan maklumat lebih lanjut saya boleh arahkan Pegawai Kementerian mengambil tindakan yang sewajarnya.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan sedar bahawa banyak penjual-penjual simen ini menjual simen dengan harga yang tertentu, tetapi mengeluarkan resit dengan harga yang ditetapkan oleh Kerajaan. Misalnya sebelum daripada harga simen naik ke \$9.00 maka resit dituliskan dengan harga \$8.20, tetapi pembayarannya \$11 ataupun \$12 dan sekarang ini apabila harga simen sudah naik maka resitnya ditulis dengan angka \$9.20 dan harga bayaran itu agak lebih \$12—\$13. Kalau ada pergaduhan di antara pembeli dengan penjual kata pembeli mengapakah jadi begini? Saya dengar dari radio mengatakan harga simen \$9.00, penjual mengatakan kalau begitu pergi beli kepada radiolah!

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, amalan-amalan curang seperti ini memang berlaku, tetapi untuk mengambil tindakan terhadap perbuatan yang haram itu kita kena dapat bukti, kalau ada pembeli-pembeli boleh memberi bukti yang mana ada perbuatan seperti itu berlaku kita boleh ambil tindakan yang tegas terhadap peniaga-peniaga itu.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menjelaskan tentang dasar sebenarnya Kerajaan mengenai kenaikan harga ini kerana kita dapati bahawa kenyataan di antara Menteri Perdagangan dan juga Timbalannya agak bercanggah mengenai kenaikan harga gula dan juga susu.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada kenyataan bercanggah, tetapi dasar menaikkan harga ini berpunca daripada kenaikan kos pengeluaran yang mana ini diteliti dan selepas itu dikemukakan kepada Jawatankuasa mengkaji harga dan perakuan itu disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri dan jika perlu ini disampaikan kepada Jumaah Menteri untuk diluluskan.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dalam Titah Ucapan Diraja yang lalu ada disentuh bahawa segolongan peniaga yang menjual barang-barangnya dengan harga yang berlebihan tetapi bagi rakyat jelata mereka tidak tahu apakah harga yang berpatutan itu. Jadi dapatkah Kerajaan umumkan dalam suratkhbar ataupun penerbitan-penerbitan yang lain harga barang-barang yang berpatutan supaya rakyat kita dapat membandingkan apakah harga yang berlebihan itu.

Dato Lew Sip Hon: Kita mesti memahami bahawa bukan semua harga barang-barang dikawal oleh Kerajaan, cuma ada 20 jenis barang-barang keperluan seperti yang ditanya tadi iaitu susu tepung, gula, bahan-bahan petroleum dan sebagainya di bawah kawalan harga yang mana harga itu ditetapkan dan sesiapa pun tidak boleh menjual dengan harga lebih daripada harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Selain daripada itu ada beberapa jenis barang yang mana kita beri perlindungan kepada pengeluar-pengeluar barang itu dan harga itu mesti diluluskan oleh Kementerian saya sebelum kenaikan harga dapat dijalankan. Selain daripada itu terpulanglah kepada pengguna-pengguna mengiktirafkan bagaimana harga itu patut atau tidak dan inipun kita mendesak kepada

pergerakan pengguna untuk mengambil tindakan supaya memulaukan kedai-kedai yang menjual barang-barang dengan harga yang dianggap tidak patut atau tidak adil dan saya rasa tindakan ini adalah lebih berkesan daripada kawalan dari Kerajaan.

PERNAS TRADING—FAEDAH PENIAGA BUMIPUTRA

3.Dato' Hishamuddin bin Haji Yahya minta Perdana Menteri menjelaskan peranan yang dimainkan oleh Pernas Trading di dalam usaha meningkatkan perniagaan di antara negara kita dengan negara China dan apakah faedah yang diperolehi oleh peniaga bumiputra, hasil dari usaha ini, setakat hari ini.

Pemangku Perdana Menteri (Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, peranan yang dimainkan oleh Pernas Trading Sdn. Berhad dalam usaha meningkatkan lagi perniagaan di antara Malaysia dengan negara China ialah menjadi badan yang bertanggungjawab mengadakan pertemuan dan lawatan untuk peniaga-peniaga dari Malaysia ke negara China dan juga kunjungan peniaga-peniaga dari negara China ke Malaysia. Pertemuan atau lawatan ini adalah bertujuan mewujudkan perdagangan terus dan tidak melalui agen-agen dari negara ketiga.

Lawatan-lawatan yang telah dianjurkan oleh Pernas Trading Sdn. Berhad sejak tahun 1971 ke negara China ialah sebanyak 19 kali ataupun dua kali setahun dalam mana jumlah peserta bumiputra ialah seramai 127 orang. Melalui pertukaran rombongan ini jumlah perdagangan terus di antara kedua negara telah meningkat daripada \$6,260,800 dalam tahun 1971 kepada \$649,779,728 dalam tahun 1980.

Lawatan-lawatan yang telah dianjurkan oleh Pernas Trading Sdn. Berhad ke negara China telah memberi peluang kepada peniaga-peniaga bumiputra untuk mengikuti sama sebagai ahli rombongan dengan perbelanjaan yang lebih rendah.

Mengenai faedah dari kegiatan-kegiatan Pernas Trading sehingga kini khususnya berhubung dengan peniaga-peniaga bumiputra, sebanyak 11 buah syarikat

bumiputra ini dapat bergiat dalam perniagaan barang-barang daripada negara China. Dua buah syarikat telah berjaya mengimport barang-barang secara terus menerus dari negara China sementara yang lainnya melalui negara ketiga.

Buat masa hadapan Kerajaan bercadang mewujudkan pertalian perniagaan antara Kerajaan (Government to Government) supaya barang-barang daripada negara China dapat diimport terus tanpa melalui negara ketiga dan akan diedarkan secara adil dan saksama kepada golongan peniaga-peniaga dari semua kaum.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri di dalam peningkatan perniagaan di antara negara kita dengan negeri China pada keseluruhannya siapakah yang lebih untung? Dengan lain perkataan, adakah menguntungkan negara kita atau menguntungkan negara China?

Pemangku Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita mengadakan rancangan ini imbalan perdagangan ialah lebih menguntungkan negara china tetapi sekarang ini keuntungan didapati oleh kedua belah pihak.

Tuan Chan Teck Chan: Untuk memperkuatkan kedudukan persaingan peniaga-peniaga Malaysia dalam pasaran perdagangan antarabangsa di antara Malaysia dengan China ini, adakah Yang Amat Berhormat akan mempertimbangkan untuk membolehkan peniaga-peniaga Malaysia mengadakan perniagaan selain daripada Canton Trade Fair atau lain-lain bahagian. Kedua, bolehkah sekatan umpamanya peniaga-peniaga hanya diizinkan mengadakan perniagaan setahun sekali supaya sekatan ini boleh dibatalkan ertinya seorang peniaga boleh berniaga dua kali setahun, bukan setahun sekali sahaja.

Pemangku Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita menghantar dua kali setahun, tetapi saya tidak dapat tanggap apakah soalan yang pertama tadi.

Tuan Chan Teck Chan: Peniaga Malaysia hanya diizinkan setahun sekali untuk mengadakan perniagaan di Canton Trade Fair. Bolehkah mereka diizinkan dua kali setahun atau tiga kali setahun, bukan hanya sekali setahun?

Pemangku Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ramai yang berhajat untuk mengadakan perniagaan dengan negara China dan kita terpaksa memberi peluang kepada lain-lain pihak juga untuk pergi dan mendapatkan perhubungan perdagangan dengan peniaga-peniaga daripada negeri China. Kalau orang itu dapat diberi peluang berkali-kali maka tidaklah akan dapat peluang kepada pihak yang lain.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri apakah benar kenyataan yang selalu didengar yang mengatakan bahawa negara China masih mempunyai dan mengamalkan sikap keengganan untuk melantik pengedar dan pengimport bumiputra hatta Pernas Trading sekalipun dan masih cenderung untuk melantik pengedar-pengedar tradisional dari kalangan pengimport bukan bumiputra dan juga menerusi negara ketiga seperti Singapura dan Hong Kong. Jika benar, apakah Pernas Trading akan terus mengadakan misi-misi perdagangan ke China sekiranya Pernas Trading hanya dianggap menjadi orang tengah yang mendapat satu peratus sahaja sebagai komisen dari hasil bahan-bahan yang diimport itu?

Tuan Yang di-Pertua: sebahagian daripada jawapan itu sudah diberikan oleh Yang Amat Berhormat tadi iaitu daripada 11, 2 sudah terus tetapi akan dicuba pada masa yang akan datang, melainkan kalau ada Yang Amat Berhormat hendak tambah lagi?

Pemangku Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, amalan memilih perhubungan yang tradisi, yang biasa diadakan ini bukan diamalkan oleh peniaga daripada negeri China sahaja tetapi oleh semua peniaga-peniaga di mana-mana tempat juga. Yang

nyata ialah sebelum kita mengadakan perhubungan yang diuruskan oleh Pernas Trading ini tidak ada langsung peniaga bumiputra yang terlibat dengan perniagaan dengan negeri China tetapi sekarang ini sudahpun ada tetapi bergantunglah kepada kebijaksanaan dan kecekapan, kepintaran perniagaan peniaga-peniaga bumiputra untuk menarik peniaga-peniaga dari negeri China supaya mengambil mereka sebagai agen bagi perdagangan mereka.

HOSPITAL DAERAH KAPIT

4. Tuan Sibat Miut Anak Tagong minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada apa-apa cadangan:-

- (a) hendak memperbesarkan Hospital Daerah di Kapit dengan menghantar lebih ramai doktor terutama sekali pakar-pakar dan mendirikan Wad Tibi berasingan; dan
- (b) mendirikan klinik Desa di Ng. Oyan, Sg. Mujong, Kapit memandangkan kawasan itu terpencil.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa:

- (a) Kementerian tidak bercadang untuk memperbesarkan Hospital Daerah Kapit buat masa sekarang kerana jumlah katil sebanyak 100 buah yang ada sekarang adalah dianggap mencukupi. Selain dari itu, kemudahan-kemudahan lain seperti makmal, Jabatan X-ray, Dewan Bedah dan Jabatan Pesakit Luar adalah memuaskan. Pada masa ini Kementerian juga tidak ada cadangan untuk mendirikan Wad Tibi yang berasingan memandangkan kemudahan yang ada sekarang dengan 2 buah wad untuk pesakit-pesakit Tibi yang mana sebuah adalah untuk pesakit dan sebuah lagi untuk pesakit perempuan adalah dianggap mencukupi. Kementerian akan

menghantar lagi Pegawai Perubatan ke Hospital Daerah Kapit apabila doktor-doktor tambahan diperolehi.

- (b) Kementerian juga tidak bercadang untuk mendirikan Klinik Desa di Nanga Oyan, Sungei Mujong, Kapit oleh kerana penduduknya yang seramai 400 orang boleh menggunakan kemudahan Klinik Desa di Sungai Mujong atau Nanga Melinau. Selain dari itu, perkhidmatan doktor udara ada membuat lawatan ke kawasan ini sebulan sekali di samping perkhidmatan yang diberi oleh Pasukan Kesihatan Kampung dari Sungei Mujong.

Tuan Chieng Tiong Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kebanyakan kawasan-kawasan yang terpencil masih belum ada klinik desa di negeri Sarawak, saya ingin minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu adakah satu rancangan untuk membina banyak lagi klinik di negeri Sarawak?

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, projek-projek RMT di Daerah Kapit yang sudah siap ialah klinik ibu dan kanak-kanak di Hospital Kapit telah siap 60%, klinik desa Nanga Bena, klinik desa Melinau, klinik desa Malinlan projek; projek masih dalam rancangan ialah klinik desa peringkat satu Nanga Gaat sektor Bahagian Kapit; dan projek-projek baru yang telah dicadangkan ialah Pasukan Pergigian Kapit, 4 unit quarters kelas dua untuk Hospital Daerah Kapit dan 12 unit rumah pangsa kelas empat untuk Hospital Daerah Kapit.

KEKURANGAN BEKALAN SIMEN

5. Puan Yong Fatimah binti Mohd Razali minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah sebab-sebab bekalan simen berkurangan dan adakah sebab-sebab ini disengajakan oleh pembekal menyorokkan bahan-bahan itu sambil menanti kenaikan harga; jika ya, apakah tindakan Kerajaan terhadap pembekal yang menyorok bahan pembinaan ini dan menjualnya di pasar gelap dengan harga yang tinggi.

Dato Lew Sip Hon: Kerajaan memang menyedari bahawa bekalan simen di negara pada masa ini tidaklah begitu stabil. Ini adalah berdasarkan kepada fakta bahawa permintaan dari pengguna-pengguna adalah terlalu tinggi disebabkan oleh pelaksanaan projek-projek pembangunan yang pesat terutama sekali di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung yang mana permintaan simen telah meningkat berlipat ganda. Dengan berlakunya keadaan ini, pertambahan pengeluaran simen di Semenanjung tidak berupaya menyaingi pertambahan permintaan. Bagi menghadapi masalah ini, Kerajaan telah mengenakan syarat-syarat semasa menaikkan harga simen baharu-baharu ini supaya Syarikat-syarikat Pengeluar membuat pengimportan bekalan simen dari negara jiran jika bekalan berkurangan. Di samping itu, Kerajaan juga telah mengarahkan Syarikat Associated Pan Malaysian Cement supaya menyegerakan kerja-kerja pembesaran kilang mereka. Daripada fakta-fakta yang dinyatakan di atas, untuk menyatakan bahawa kekurangan yang berlaku adalah semata-mata disebabkan oleh pengeluar-pengeluar dan pengedar-pengedar dengan sengaja melakukan penyorokan adalah tidak begitu tepat. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak menafikan terdapatnya segolongan peniaga yang mengambil kesempatan di dalam situasi seperti ini bagi melakukan amalan-amalan seperti penyorokan, penjualan di pasaran gelap dengan harga yang lebih tinggi dari yang ditetapkan dan lain-lain lagi. Dalam hubungan ini, pegawai-pegawai Kementerian saya sentiasa menjalankan pengawasan dan pemeriksaan bagi mencegah amalan-amalan yang tidak sihat ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di sepanjang tahun 1980, tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap peniaga simen adalah sebanyak 38 kes yang melibatkan kira-kira \$36,000.00 simen telah dirampas.

Kerajaan akan sentiasa mengambil tindakan-tindakan tegas seterusnya bagi menyelesaikan masalah kekurangan bekalan ini agar ianya tidak menyusahkan pengguna-pengguna.

Tuan Shaari bin Jusoh; Sebagaimana yang dijawab oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian penyorokan

simen dan gula ialah disebabkan kekurangan pengeluaran. Sebab itu selalu terdapat penyorokan dan sebagainya. Apakah rancangan Kementerian ini untuk menambahkan lagi bekalan simen, adakah misalnya negeri-negeri seperti di Pantai Timur atau bukan di Pantai Timur di utara Malaysia seperti di Perlis yang ada banyak bukit, tidakkah rancangan Kementerian berkenaan akan menggalakkan dengan berbagai-bagai kemudahan untuk mendirikan kilang simen? Begitu juga kilang gula di tempat-tempat yang bersesuaian dengan tanah.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah meluluskan 4 kilang simen baru-baru ini diwujudkan selain daripada 4 yang ada sekarang, satu di Pulau Langkawi, dua di negeri Perak dan satu di negeri Pahang. Satu daripada 4 yang diluluskan itu telah mengambil tindakan untuk membina kilang itu tetapi 3 kilang yang lain yang telah diluluskan belum ada apa-apa tindakan yang boleh dinampak untuk mengeluarkan simen. Tetapi fakta yang utama untuk kekurangan bekalan simen boleh dikatakan ialah Syarikat APMC yang membina satu kilang baru yang ada keupayaan (capacity) 1.2 juta ton setahun yang dijadual akan mengeluarkan pengeluaran dari awal bulan Januari tahun ini telah menghadapi kesusahan teknikal (technical fault). Kilang baru itu dijadual mengeluarkan 4,000 ton sehari tetapi oleh sebab technical fault itu cuma mengeluarkan 2,000 ton seminggu. Ini yang menjadi satu fakta yang mengakibatkan kekurangan.

Satu fakta lagi ialah pada tahun 1980 dan tahun-tahun yang lampau lebih kurang 180,000 ton simen datang dari Singapura tetapi sekarang kerana harga di Singapura lebih tinggi dari sini, punca ini telah ditutup dan ini ialah berbangkit kekurangan. Untuk mengatasi masalah kekurangan ini bagi jangka pendek Kerajaan sekarang telah mengarahkan syarikat pengeluar simen untuk membeli atau mengimport simen daripada negara jiran khususnya Singapura dan Thailand. Tetapi bagi jangka panjang kita telah meluluskan empat buah kilang simen itu dan kita harap keempat-empat kilang ini akan mengeluarkan simen dalam tahun 1983 atau 1984.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian nampaknya pengawasan adalah begitu ketat sekali. Tetapi pada pandangan umum bahawa kekurangan simen di pasaran ini ialah permainan yang dimainkan oleh kilang-kilang simen sendiri. Selalu seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi "technical fault". Pada lazimnya technical fault ini selalunya bila menulis surat kepada Kementerian hendak menaikkan harga technical fault ini selalu berlaku. Bagaimana caranya Kementerian hendak melihat bahawa technical fault ini sama ada betul (genuine) atau sengaja ditechnical faultkan.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Speaker, saya sendiri telah melawat kilang itu untuk menyaksikan dengan mata sendiri apa technical fault itu. Di samping APMC Rawang ini ialah satu kilang yang mengguna satu technology yang baru yang mana limestone dimasukkan dari atas dan shale masuk di bawah dan sebab-sebab yang saya tidak berapa faham oleh sebab perkara ini teknikal, limestone itu tidak boleh turun ke bawah dan funnel itu telah diperbesar. Pada kesimpulannya technical fault ini ialah benar dan technical fault ini telah berlaku sejak bulan Januari sampai Februari yang mana di akhir bulan Februari saya melawat tempat itu dan engineer-engineer di sana yakin bahawa masalah ini akan diatasi dalam akhir bulan Mac atau April. Jadi kalau sampai akhir Mac, April kalau masalah ini belum diselesaikan saya akan melawat kilang itu sekali lagi.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah dasar Kementerian ini menaikkan harga simen ini dengan harapan supaya orang tidak membeli simen atau kurang membeli simen.

Yang kedua, tidakkah kita segan kalau sebagai sebuah negara yang besar dibanding dengan Pulau Singapura kita import simen daripada Singapura, yang sepatutnya kita eksport simen ke Singapura. Saya minta penjelasan.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab kenaikan harga simen ialah untuk menampung kenaikan kos pengeluaran. Ini ialah faktor yang utamanya 40% daripada kos pengeluaran simen ialah kegunaan fuel oil dan elektrik. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum harga fuel oil ini telah naik daripada \$300 setan pada tahun 1979 sampai \$550 setan masa ini, sudah naik lebih kurang 80% dan electricity pun telah naik. Jadi ini adalah satu faktor utama bukan untuk mengurangkan kegunaan simen sebab negara kita ini di dalam pembangunan ada banyak rancangan, kita tidak boleh memberhentikan rancangan-rancangan itu.

Kedua berkenaan import simen, sepatutnya kita ada bahan mentah untuk membuat simen. Kalau kita pandang daripada segi ini patut kita boleh mengeluarkan simen dengan kos yang rendah tetapi ada masalah-masalah lain seperti dalam industri simen itu satu unsur yang penting ialah pengangkutan dan Singapura dapat mengeluarkan simen lebih murah daripada Malaysia sebab Singapura dapat clinker daripada negara Jepun yang mana kapal datang dari Jepun dia selalu datang dengan kapal yang mana pengangkutan itu kurang dan clinker yang sampai ke Singapura lebih murah daripada clinker yang dibuat di negara kita. Ini ialah puncanya.

Tuan Yang di-Pertua: Cerita simen ini tak habis, dia berpanjangan begitulah, harga naik juga (*Ketawa*).

PENUKAR-PENUKAR WANG MALAYSIA KE SINGAPURA

6. Puan Shariffah Dorah binti Mohammed minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penukar-penukar wang dari Malaysia ke Singapura mengalami pemotongan dua kali hingga 16% sekali masa keluar (tukar dollar Singapura) dan sekali masa hendak masuk semula ke Malaysia (tukar balik wang Malaysia) dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian ini bagi memperbaiki keadaan ini.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak sepatutnya

berlaku. Kekurangan yang dialami akibat daripada dua transaksi penukaran ini adalah terhad kepada perbezaan antara kadar pembelian dan kadar penjualan balik matawang Singapura. Kesan ini wujud sejak matawang Ringgit dan Dollar Singapura tidak lagi saling tukar menukar. Kadar penukarannya akan turun-naik mengikut edaran masa dan tidak dapat dielakkan. Saya memang memahami bahawa rakyat bimbang terhadap risiko yang nyata dari penukaran wang apabila mereka menukar matawang mereka kepada matawang Singapura. Risiko tersebut walau bagaimanapun tidak dapat dielakkan dan ianya juga wujud sekiranya pertukaran dibuat kepada Dollar Amerika Syarikat, Pound Sterling atau mana-mana matawang asing yang lain. Cara untuk mengelakkan daripada risiko ini ialah hanya dengan membelanjakan wang itu di dalam negara kita Malaysia.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada Kerajaan kita boleh menaikkan nilai matawang Malaysia supaya setanding dengan nilai matawang Singapura. Jika jawabnya tidak boleh, adakah sebab-sebab yang tidak membolehkan pekaru ini dilakukan menguntungkan Malaysia daripada segi perdagangan dengan Singapura.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara boleh campurtangan untuk hendak meningkatkan nilai matawang Ringgit kita dengan cara menjualkan reserve Dollar Amerika kita supaya permintaan kepada matawang Ringgit kita akan bertambah dan dengan sendirinya akan meningkatkan nilai matawang Ringgit kita, tetapi ini tidak bererti bahawa nilai itu akan kekal oleh kerana nilai matawang sesuatu negara bergantung kepada banyak faktor. Umpamanya, kedudukan imbalan bayaran negara itu sendiri dan juga kepada kadar faedah yang dikenakan oleh bank-bank ataupun pembayaran yang perlu dibuat mengikut musim. Misalnya, bagi negara kita pada akhir tahun dan permulaan tahun pembayaran yang perlu diselesaikan oleh pengimport dan lain-lain pihak mesti

dijalankan dengan menggunakan matawang asing. Maka ini kesemuanya adalah faktor-faktor yang menyebabkan turun-naiknya nilai matawang bahkan nilai matawang antarabangsa seperti Dollar Amerika Syarikat, Pound Sterling, Yen Jepun, Deutchmark kian naik dan turun mengikut keadaan yang dihadapi dan mengikut keadaan yang dialaminya di dalam akaun semasa imbalan pembayaran negara tersebut.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebahagian daripada rakyat negeri Johor memang ada membelanjakan wangnya ke Pulau Singapura, sebab barang-barang yang ada di Johor Bahru itu mahal sangat. Soalan saya, adakah sampai ke pengetahuan Kerajaan atau ke pengetahuan Yang Berhormat Mulia Tengku gara-gara daripada pertukaran wang Malaysia dan Singapura ini sehingga ada peniaga di Singapura mengatakan: "lu ada bawa wang Jepun tak?", jadi dianggap wang Malaysia itu wang Jepun. Samaikah ke pengetahuan Kerajaan pekaru ini?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, secara rasmi tidak, secara tidak rasmi ada, tetapi kita tidak dapat bertindak terhadap mereka yang bercakap seumpama itu yang mendiami negara asing.

Tuan Yang di-Pertua: Orang Johor sahaja yang pergi ke seberang sudahlah (*Ketawa*).

PENYAKIT KUKU DAN MULUT

7. **Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali** minta Menteri Pertanian menyatakan setakat manakah penyelidikan yang telah dilakukan dan tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan penyakit-penyakit haiwan di negara ini seperti penyakit kuku dan mulut.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato Haji Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa menjalankan penyelidikan dan tindakan untuk mengurangkan penyakit-penyakit

haiwan yang merbahaya yang terjadi di negeri ini, termasuk penyakit kuku dan mulut. Di antara tindakan-tindakan yang dilaksanakan ialah pengawasan penyakit-penyakit itu menerusi aktiviti-aktiviti kuarantina, suntikan, rawatan dan penentuan kejadian penyakit itu dengan serta-merta.

Kerajaan telah menubuhkan 5 buah makmal diagnosa di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk sebuah Institut Penyelidikan Haiwan di Ipoh dan dua buah lagi sedang dibina. Kerja-kerja makmal ini antara lain, menjalankan penyelidikan dan penentuan kajian penyakit ternakan. Kerajaan juga mengeluarkan vaksin-vaksin untuk mencegah penyakit-penyakit yang merbahaya. Pada tahun 1980 vaksin yang dikeluarkan ialah 179 juta dos untuk penyakit ternakan ayam, 670,000 dos untuk penyakit ternakan babi dan 121,000 dos untuk penyakit ternakan lembu. Bagi penyakit-penyakit ternakan selain daripada penyakit kuku dan mulut yang terjadi, Kerajaan mempunyai kemampuan dan kemudahan-kemudahan yang cukup untuk mengatasinya.

Bagi penyakit kuku dan mulut pengawalannya adalah bergantung kepada kegunaan vaksin yang diimport. Kejadian penyakit ini juga adalah bergantung kepada kawalan di kawasan sempadan Malaysia-Thailand. Walau bagaimanapun, Kerajaan menerusi usaha kerjasama dua hala Malaysia-Thailand telah menggariskan beberapa panduan tindakan untuk mengatasi dan mengawal kejadian penyakit ini dengan cara:

- (1) menjalankan suntikan di kawasan sempadan Malaysia-Thailand;
- (2) memperketatkan pengurusan pengimportan ternakan dan kuarantina.
- (3) memperkukuhkan pengawasan (surveillance) bagi kejadian penyakit; dan
- (4) pengawalan pemindahan ternakan dan penyembelihan ternakan di abattoir.

NEGARA DALAM KEADAAN DARURAT

8. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada

negara kita masih berada dalam keadaan darurat, kalau tidak mengapa Undang-undang Darurat masih belum dimansuhkan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, memang benar negara kita masih berada di dalam keadaan darurat.

PEMILIK KAD PENGENALAN MERAH

9. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan pemilik kad pengenalan warna merah tinggal dalam negara ini di masa sekarang dan jika boleh nyatakan bilangan pecahan (breakdown figures) mengikut asal keturunan kaum.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, jumlahnya sehingga 30hb Disember, 1980 ialah 322,230 orang dianggarkan. Tidak ada rekod yang disimpan bagi pemilik-pemilik kad-kad pengenalan tersebut menurut pecahan kaum.

PROJEK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

10. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau dapat memberikan penjelasan/penerangan bahawa terdapat banyak projek-projek luar bandar yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga seperti:

- (a) Bangunan Sekolah-sekolah,
- (b) Masjid-masjid,
- (c) Jalan-jalan luar bandar dan lain-lain

terdapat belum lagi memuaskan penduduk-penduduk luar bandar, oleh kerana kekurangan tenaga dan penyelewengan berlaku. Tambahan pula Rancangan Malaysia Pertama hingga Ketiga adalah dasar Kerajaan Barisan Nasional memastikan bahawa projek-projek luar bandar diberi keutamaan tetapi malangnya seperti tahun

1980 (yang lepas) perlaksanaannya belum lagi mencapai ke matlamat yang telah dijanjikan. Jika tidak, mengapa. Jika ya, bila.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, sememangnya menjadi harapan Kerajaan supaya penduduk-penduduk negara ini khususnya di luar bandar akan merasa puas hati ke atas projek-projek pembangunan yang dilaksanakan. Namun begitu adalah disedari iaitu pada biasanya apabila satu kemahuan itu telah dipenuhi satu kemahuan lagi yang lebih tinggi akan dihadapkan oleh rakyat.

Mengenai pelaksanaan adalah tidak dapat dinafikan iaitu terdapat berbagai-bagai masalah yang boleh melambatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan dan menjejaskan pencapaian matlamat rancangan-rancangan pembangunan negara. Antara masalah itu termasuklah kekurangan tenaga manusia yang mahir, kekurangan bahan-bahan binaan dan kontraktor-kontraktor sendiri.

Kerajaan telah, sedang dan akan terus mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi mengatasi masalah ini. Bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga mahir, Kerajaan telah mengadakan latihan-latihan termasuk "on the spot training" untuk menambah bilangan tenaga manusia yang mahir dengan meninggikan taraf pengetahuan serta penggunaan teknologi umpamanya di dalam pembinaan.

Program latihan istimewa di dalam bidang machinery, tukang besi, kayu dan lain-lain bidang yang berkaitan dengan kerja-kerja juga dijalankan. Masalah kontraktor swasta terutama sekali mengenai masalah keupayaan kewangan mereka juga sedang di atasi. Bagi mengatasi kekurangan bahan-bahan binaan seperti simen, besi keluli dan lain-lain Kerajaan telah melonggarkan beberapa syarat pengimport sementara permohonan untuk mendirikan empat buah lagi kilang simen telapun diluluskan.

Selain daripada itu bagi menghadapi akibat inflasi, Kerajaan telah mengambil langkah mengawal kenaikan harga bahan-bahan

binaan. Ini bermakna pengedar-pengedar, pemborong-pemborong dan penjual-penjual tidak boleh menaikkan harga bahan-bahan tersebut dengan sewenang-wenangnya. Kontraktor-kontraktor juga adalah dikawal supaya mereka tidak mengambil projek-projek lebih daripada keupayaan mereka.

Bagi mempercepatkan pelaksanaan projek jalan luar bandar pula konsep projek packages telah digunakan dan ini telah memberi hasil pelaksanaan yang segera dan prestasi yang tinggi dan akan digunakan kepada projek-projek yang lain juga.

Tambahan kepada usaha ini, Jawatankuasa Kabinet mengenai langkah-langkah mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang ditubuhkan oleh Kerajaan telah mengambil tindakan untuk memperkemaskan sistem pentadbiran.

Perlaksanaan rasmi usaha ini akan bermula dalam bulan April selaras dengan pelancaran Rancangan Malaysia Keempat.

Mengenai dakwaan penyelewengan berlaku yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah terlalu umum. Saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat memberi butir-butir yang tepat supaya tindakan untuk memperbaiki keadaan dapat diambil.

Tuan Hussein bin Mahmood: Soalan tambahan. Dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap tadi memberi tiga faktor kekurangan. Saya hanya hendak menyentuh dalam soalan asal mengenai kekurangan kontraktor-kontraktor.

Beliau juga telah memberitahu mengenai kekurangan kontraktor-kontraktor dari segi aspek kewangan. Soalan saya, apakah juga telah dipertimbangkan atau telah dikaji mengenai aspek-aspek lain sama ada tentang kekurangan-kekurangan kontraktor ataupun kekurangan keupayaan kontraktor yang telah wujud untuk menjalankan kerja-kerja kontrek mereka dan kalau kajian-kajian ataupun penyelidikan telah dibuat apakah usaha-usaha lanjut selain daripada usaha-usaha kewangan bagi menolong kontraktor-kontraktor yang telah wujud ataupun untuk menambah kontraktor kepada kontraktor-kontraktor yang sedia wujud.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan, kemudahan latihan juga diberi kepada kontraktor-kontraktor ini selain daripada pertolongan dari segi kewangan dan lain-lain.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telahpun mengumumkan bahawa Kerajaan telahpun menerima syor Jawatankuasa kabinet bagi memperkemaskan dan mempercepatkan proses pelaksanaan projek-projek pembangunan. Saya ingin tahu sama ada ini termasuk langkah untuk memperkemaskan dan menyusun semula pentadbiran di peringkat daerah-daerah kerana kebanyakan dari segi pelaksanaan itu diberikan tanggungjawab kepada jabatan-jabatan di peringkat daerah. Umpamanya, Pejabat-pejabat Daerah diberi dan dibekalkan dengan pegawai-pegawai teknikal untuk membantu Jabatan Kerjaya melaksanakan projek-projek pembangunan, sama ada ini ada termasuk salah satu dari syor-syor yang dicadangkan.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, satu daripada tugas Jawatankuasa ini ialah untuk memperkemaskan pentadbiran.

PENYOROKAN/PENIPUAN BARANG-BARANG JUALAN

11. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah berkenaan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan masalah penyelewengan dalam perniagaan seperti:

- (a) penyorokan; dan
- (b) penipuan mengenai label barang-barang jualan.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak menafikan bahawa terdapat amalan-amalan yang tidak sihat dilakukan oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab seperti penyorokan, penipuan, penyeludupan dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, amalan-amalan ini tidaklah berlaku dengan berleluasa tanpa tindakan dan kawalan dari Kerajaan. Dalam

usaha untuk mengawal masalah penyelewengan dalam perniagaan ini, Kementerian saya telah mengadakan berbagai-bagai rupa bentuk pengawasan mengikut lunas undang-undang yang dikuatkuasakan. Di antara langkah-langkah pengawasan adalah:

- (a) Mengisytiharkan sebanyak 20 jenis barang-barang keperluan sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Di bawah Akta ini Kerajaan boleh mengadakan pengawasan dengan sepenuhnya. Untuk memperketatkan lagi kawalan bekalan, Kerajaan telah mengisytiharkan 10 daripada 20 jenis barang kawalan sebagai barang berjadual di bawah Peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang mana semua bentuk urusniaga barang-barang tersebut dikenakan lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian saya. Pengawasan dan pemeriksaan yang rapi sentiasa dilakukan oleh pegawai-pegawai Kementerian saya untuk memastikan tidak ada penyorokan dan lain-lain amalan curang dilakukan terhadap bekalan barang keperluan ini yang boleh menyebabkan kesulitan bekalan;
- (b) Bagi amalan-amalan penipuan label dan barang-barang tiruan pula, pegawai-pegawai Kementerian saya sentiasa melakukan pemeriksaan terhadap peniaga-peniaga di bawah kuasa yang diberi dalam Akta Perihal Dagangan 1972.

Untuk membenters amalan-amalan curang yang dinyatakan di atas, Kementerian saya sentiasa bertindak tegas terhadap semua rupa bentuk kesalahan dan penyelewengan tanpa mengira kedudukan seseorang itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di sepanjang tahun 1980, Kementerian saya telah mengambil tindakan undang-undang terhadap peniaga-peniaga yang melakukan berbagai-bagai kesalahan dan data-data kes adalah seperti berikut:

<i>Kesalahan di bawah Jumlah Kes Nilai Rampasan</i>		
Akta Kawalan Bekalan 1961	223	\$1.59 juta
Akta Perihal Dagangan 1972	140	\$16.52 juta

Dalam usaha untuk melindungi pengguna-pengguna dari ditipu oleh segolongan peniaga yang tidak bertanggungjawab ini, satu cara pengawasan dan kawalan yang tegas terpaksa dilaksanakan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, dalam usaha ke arah matlamat ini, Kerajaan terpaksa berhati-hati untuk mengimbangkan tindakan-tindakan agar ianya tidak begitu mengongkang dan menyulitkan para peniaga sehingga sampai ke satu tahap yang akan menjejaskan sistem 'perdagangan bebas' yang diamalkan oleh Negara kita.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa satu cara pengawasan yang tegas akan dilaksanakan oleh Kerajaan sebagai satu cara untuk melindungi para pengguna. Di sini suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah yang telah diambil untuk menentukan Pegawai Penguatkuasa yang cukup untuk melaksanakan tugas itu.

Yang kedua, adakah Pihak Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu undang-undang perlindungan pengguna dan juga menubuhkan Tribunal Tuntutan Pengguna sebagai satu cara untuk melindungi kepentingan pengguna.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab bahagian pertama, bilangan Pegawai Penguatkuasa pada tahun ini telah bertambah lebih daripada 400 orang. Baharu-baharu ini 225 orang pegawai baharu dilantik dan baharu sahaja tamat satu kursus yang mana diberi pengetahuan dan undang-undang yang berkenaan dan Kerajaan juga meluluskan 20 lagi cawangan pejabat penguatkuasa di serata tempat di Malaysia termasuk negeri Sabah dan Sarawak. Dengan ada pertambahan bilangan pegawai dan juga cawangan pejabat, saya rasa kita boleh menjalankan tindakan lebih rapi dan lebih berkesan.

Soal bahagian kedua, mengenai undang-undang untuk perlindungan pengguna dan juga tribunal, inipun telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya akan memberi jawapan itu dalam masa menggulung nanti.

PENDATANG HARAM INDONESIA

12. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pendatang haram Indonesia yang telah ditahan oleh pihak Polis di seluruh negara sehingga akhir Januari, 1981;
- (b) apakah tindakan yang telah diambil setakat ini oleh Kerajaan untuk memeriksa kemasukan pendatang haram Indonesia dan sama ada Kerajaan Indonesia telah dihubungi untuk menyelesaikan masalah ini; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah dirancang oleh Kerajaan untuk menyelesaikan secara berkesan tentang kemasukan pendatang haram Indonesia dan lain-lain pendatang haram ke negara ini dengan tujuan untuk memastikan bahawa mereka tidak akan mengancam kepentingan negara.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama maksudnya dengan soalan ini telahpun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 18hb Mac, 1981.

JURUTERA-JURUTERA DI KEMENTERIAN KERJAYA

13. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan berapa ramaikah jurutera yang berkhidmat dengan Kementerian beliau berdasarkan komposisi kaum dan adakah jurutera yang ada itu mencukupi dan jika tidak, bilakah jangkakan Kementerian beliau mempunyai jurutera yang mencukupi.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam sekarang mempunyai 1,050 orang jurutera-jurutera yang sedang berkhidmat di Kementerian ini. Daripada jumlah tersebut 360 orang adalah terdiri daripada bangsa Melayu, 602 orang daripada bangsa Cina, 64 orang daripada bangsa India dan 24 orang terdiri daripada lain-lain bangsa.

Pada masa ini Kementerian masih mempunyai 129 jawatan jurutera yang belum diisi. Jawatan-jawatan tersebut dijangka akan dapat diisi sepenuhnya pada penghujung tahun 1981 ini apabila penuntut-penuntut yang mengambil jurusan kejuruteraan di pusat-pusat pengajian tinggi di dalam dan di luar negeri menamatkan pengajian mereka pada tahun ini.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat telah menyatakan tentang bilangan kekosongan yang masih wujud dalam JKR mengenai jawatan engineers. Jadi, soalan saya adakah kekosongan yang wujud ini untuk menampung kerja-kerja bagi Rancangan Malaysia Ketiga ataupun sudahkah ianya memperhitungkan keperluan bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat.

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kekosongan yang ada di dalam Kementerian saya tidak ada kaitan dengan Rancangan Malaysia Ketiga atau Keempat.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, setakat ini berapa ramaikah jurutera-jurutera kita yang telah meletakkan jawatan dan sebab-sebab yang utama mereka itu selalunya meletakkan jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Melainkan angka itu sudah ada pada Yang Berhormat Menteri, kalau tidak tentulah berkehendakkan notis pekara ini.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya berkehendakkan notis.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya dalam soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, sama ada betul atau tidak dan sama ada beliau sedar atau tidak projek yang di bawah Kementerian Yang Berhormat Menteri sejak tahun 1974 sampai sekarang pun belum selesai lagi. Kalau sedar, apakah tindakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Sebutkan projek yang mana Yang Berhormat tahu.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Terutama sekali dalam pembinaan sekolah-sekolah yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Yang Berhormat.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, masalah berkenaan dengan sekolah, saya telahpun menjawab dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali. Saya tidak ada apa-apa perkara baharu untuk menambahkan apa yang telah saya jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.14 hingga 33 adalah diberi di bawah ini)

AFGHANISTAN/KAMPUCHEA

14. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil persidangan negara-negara berkecuali yang telah diadakan di New Delhi terutama sekali mengenai isu Afghanistan dan Kampuchea.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Jawapan kepada soalan ini telahpun diberi dalam menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

KARTOON "DON Q"— PEMBERHENTIAN

15. Tuan Au How Cheong minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah sebabnya Kementerian mengharamkan penerbitan kartoon lucu Don Q yang muncul di dalam suratkhbar "The Star", memandangkan cerita kartoon itu hanya menyindir (satire) utamanya orang-orang Amerika sahaja.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kementerian tidak mengharamkan siri kartoon 'DON Q's VIEWS' yang telah disiarkan oleh akhbar 'The Star'. Pihak akhbar telah diarahkan supaya menghentikan penyiaran siri komik tersebut kerana pihak penerbit tidak bertanggungjawab dan tidak sensitif terhadap Agama Islam.

Mungkin Ahli Yang Berhormat tidak tahu apa buku yang ditulis oleh, 'MARQUIS DE SADE' itu.

DADAH—KAJIAN OLEH UNESCO

16. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa satu kajian (surveys) telah dijalankan oleh UNESCO mengenai penyalahgunaan dadah di Malaysia pada satu masa dahulu, dan mengikut laporan tersebut sebanyak 400,000 rakyat Malaysia berbagai keturunan dipercayai terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan sama ada laporan itu benar jika tidak apakah tindakan Kementerian ke atas UNESCO kerana membuat kajian dan lapcran palsu itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Setakat yang diketahui sehingga ini belum ada kajian yang telah dibuat atau laporan yang telah disediakan mengenai kedudukan masalah dadah di Malaysia oleh UNESCO ataupun ajensi-ajensi antara-bangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat, Pusat Penyelidikan Dadah Kebangsaan, Universiti Sains Malaysia telah diarah oleh Kerajaan untuk menjalankan dan menyelaraskan semua penyelidikan/kajian mengenai dadah di Malaysia.

Sejauh mana yang diketahui bilangan penagih dadah yang didaftarkan di seluruh Malaysia ialah seramai 55,395 orang.

PAKAR UROLOGI/PAKAR JIWA DI HOSPITAL-HOSPITAL BESAR

17. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan "Urologists" dan "Psychiatrists" yang sedang berkhidmat di Hospital-hospital Besar di negara ini dan adakah pihak Kerajaan bercadang menambahkan bilangan "Urologists" dan "Psychiatrists" di hospital-hospital Kerajaan di negara ini.

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa terdapat 2 orang Pakar Urologi dan 13 orang Pakar Jiwa yang sedang berkhidmat di hospital-hospital besar serta institusi-institusi di negara ini.

Kementerian sememangnya, sentiasa mengambil langkah untuk menambahkan lagi bukan sahaja bilangan Pakar Urologi dan Pakar Jiwa di negara ini sahaja tetapi juga pakar-pakar dalam disiplin-disiplin lain. Dalam hubungan ini saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat pada ketika ini satu kursus lanjutan kepakaran untuk melatih "psychiatrists" di Universiti Hospital/Universiti Malaya sedang dijalankan oleh pihak Universiti.

JUTAWAN WARGANEGARA MALAYSIA MELABUR KE LUAR NEGERI

18. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa jutawan-jutawan warga negara Malaysia melaburkan modalnya di luar negeri sedangkan pada hakikatnya keuntungan yang diperolehinya ialah dalam negeri ini, nyatakan sama ada business intelligence Kerajaan ada membuat kajian atas keluar masuk Ringgit Malaysia yang dilaburkan di luar negeri. Jika tidak mengapa.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya memang sedar bahawa adanya warganegara-warganegara Malaysia, sama ada golongan jutawan-jutawan ataupun mereka yang kurang kaya, melabur modal mereka di luar negeri. Di bawah dasar kawalan pertukaran wang kita yang liberal ini, warganegara Malaysia boleh melaburkan modal mereka ini di luar negeri tetapi dengan syarat bahawa sumber-sumber modal ini tidaklah berdasarkan daripada sumber pinjaman-pinjaman yang diperolehi di Malaysia. Di samping itu kita tidak harus lupa akan kemasukan modal asing yang berterusan ke dalam Malaysia. Bersama-sama dengan kepakaran teknologi yang ada pada mereka, orang-orang asing telah mengwujudkan usahasama dengan warganegara dan ini telah membantu memesatkan pembangunan ekonomi negara.

Kerajaan sentiasa mengkaji pengaliran keluar masuk wang sebagai sebahagian daripada usaha bagi mendapat maklumat tentang keadaan ekonomi negara. Ingin saya tegaskan di sini bahawa soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ini tidaklah perlu dirisaukan.

USAHAWAN BUMIPUTRA DALAM BIDANG IMPORT/EKSPORT

19. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandang bahawa banyak sudah peningkatan tercapainya matlamat Dasar Ekonomi Baru Negara dalam usaha mengujudkan usahawan Bumiputra, berapa banyakkah bilangan usahawan Bumiputra yang terlibat atau mengusahakan bidang pengeksporan dan pengimportan di dalam bidang usahaniaga dengan negara luar bila tamat tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Nyatakan berapa pula boleh dicapai bilangannya dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, mengikut jangkaan Kerajaan. Berapa jumlah modal dan harga mereka di dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga.

Dato Lew Sip Hon: Soalan ini adalah terlalu umum. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tiada mempunyai rekod mengenai jumlah sebenarnya syarikat-syarikat/usahawan-usahawan Bumiputra yang mengusahakan bidang pengeksporan dan pengimportan. Sehingga 31-12-1980 bilangan syarikat Bumiputra yang menjalankan perniagaan import/eksport, yang telah memohon untuk didaftarkan di Bahagian Penyertaan Bumiputra ialah 50 dengan modal dibayar sebanyak \$8.2 juta. Kerajaan memang menggalakkan Bumiputra melibatkan diri dalam kegiatan import/eksport. Namun begitu, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak pula menetapkan 'target' tentang bilangan syarikat-syarikat seumpama ini yang harus diujudkan dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, oleh kerana dasar Kerajaan ialah untuk melihat perseimbangan ujud dalam semua bidang, maka pencapaian 30% penyertaan Bumiputra dalam bidang import/eksport adalah sebahagian dari matlamat Dasar Ekonomi Baru.

KAWASAN AIR TAWAR TERCEMAR

20. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kementerian ini sedar ada banyak kawasan air tawar telah tercemar disebabkan oleh baja tanaman dan racun

serangga serta racun rumput rampai, jika ya, apakah tindakan untuk mengatasinya.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Ya, tidak begitu serius. Terdapat dua cara bagaimana bahan racun mengalir ke dalam air tawar iaitu melalui melarut-resap (leaching) dan dihanyut semua hujan.

Cara yang berkesan yang telah dijalankan bagi mengatasi masalah ini adalah:

- (1) Kawalan melalui perkhidmatan perkembangan kepada para petani mengenai amalan pertanian.
- (2) Cara menggunakan (methods or application) racun, jenis, kuantiti dan masa yang sesuai bagi mengunakannya.

Mengenai punca pencemaran dari kilang-kilang khasnya pengeluar baja dan racun terdapat 14 buah kilang dan masalahnya adalah terkawal di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Perindustrian) 1979-P.U. (A) 12/79 yang berkuatkuasa mulai 1-1-1979.

PENGERUSI PARTI KOMUNIS MALAYA—SERAH DIRI

21. Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah reaksi dari Kerajaan Peking berhubung dengan penyerahan diri Pengerusi Parti Komunis Malaya, Encik Musa Ahmad kepada Kerajaan Malaysia baru-baru ini; apakah Kerajaan dapat mengesan perubahan-perubahan baru tentang penyusunan organisasi parti Komunis Malaya setelah Musa Ahmad menyerah diri; apakah implikasinya terhadap mereka atau nama-nama yang telah disebut oleh Musa Ahmad dalam wawancara di Television; dan sama ada Kerajaan telah bertindak terhadap mereka yang terlibat dan apakah hasil-hasilnya sehingga hari ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Jawapan kepada soalan yang hampir sama telahpun dijawab dengan panjang lebar di Dewan ini pada 18hb. Mac, 1981. Oleh yang demikian, saya tidak bercadang menambah apa-apa jawapan terhadap soalan Ahli Yang Berhormat itu.

UDA—FUNGSI ASAL

22. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Perusahaan Awam menerangkan langkah-langkah positif yang telah diambil bagi mengembalikan UDA kepada fungsi asalnya.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): saya telahpun menjawab dengan panjang kepada satu soalan yang hampir sama yang dibangkitkan oleh Tuan Kamaluddin bin Maamor pada 18hb Mac, 1981 dan tidak ada apa-apa yang hendak saya tambah kepada jawapan tersebut.

PENDATANG HARAM INDONESIA KE SABAH—KEMASUKAN

23. Tuan Lee Kaw minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar kenyataan yang dibuat baru-baru ini oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, bahawa langkah-langkah akan diambil untuk mengatur dan mengawal kemasukan pendatang-pendatang haram Indonesia (Illegal Indonesian Immigrants—111) ke Sabah telah menimbulkan kekeliruan dan rasa tidak gembira di kalangan rakyat Malaysia dan sama ada Kerajaan akan henti dari meneruskan dengan rancangannya untuk mengatur dan mengawal kemasukan pendatang-pendatang haram Indonesia ke Sabah kerana ia akan menimbulkan masalah-masalah keselamatan yang serius bagi negeri tersebut.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soalan yang sama maksudnya dengan soalan ini telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 18-3-1981.

LANUN DI SABAH—MENCEGAH KEGIATAN

24. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan kes-kes lanun yang dilaporkan di Sabah sejak bulan Oktober, 1980, bilangan kematian, dan langkah-langkah yang diambil untuk melindungi nyawa, serta harta benda rakyat Sabah.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Semenjak bulan Oktober, 1980 hingga ke hari ini, bilangan kes-kes lanun yang dilaporkan di Sabah ialah sebanyak 10 kes dan bilangan kematian ialah 1 orang sahaja.

Kerajaan senantiasa mengambil tindakan tegas bukan sahaja untuk melindungi nyawa dan harta benda, bahkan juga mencegah kegiatan-kegiatan lanun. Bagi tujuan ini Kerajaan telah melancarkan operasi-operasi khas, seperti Op Lanun Semporna, Op Lanun Sandakan, Op Feri dan Op Tayang. Dalam operasi-operasi ini pasukan keselamatan yang terdiri daripada Polis Merin dan TLDM sentiasa membuat rondaan disepanjang pantai dan perairan Sabah. Dalam rondaan-rondaan ini bot-bot Polis Merin yang sedia ada ialah sebanyak 39 buah dan kini telah ditambah sebanyak 4 buah lagi bagi tujuan memperhebatkan rondaan-rondaan. Pasukan Polis Hutan dan Pengakap Sempadan (Border Scouts) pula diletakkan di tempat-tempat strategik bagi memudahkan tindakan mengesan dan mencegah kegiatan-kegiatan lanun. Kerajaan juga mempunyai rancangan untuk menambah bilangan anggota-anggota Polis dan bot-bot rondaan dari masa kesemasa menurut keadaan dan keperluan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sungguhpun kegiatan-kegiatan lanun berlaku di Sabah, tetapi keadaan keselamatan adalah terkawal. Kerjasama dari orang ramai membantu Kerajaan adalah sangat-sangat diperlukan bagi tujuan menghapuskan kegiatan-kegiatan lanun dengan lebih berkesan.

PEGAWAI DAERAH BERPOLITIK

25. Tuan Seow Hun Khim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar rakyat di Bukit Mertajam telah megetahui Pegawai Daerah Bukit Mertajam sebagai seorang pegawai Kerajaan didapati terlibat dalam pergerakan parti politik dan menyebelahi ahli-ahli Barisan Nasional dan enggan memberi kerjasama kepada Ahli Parlimen bagi kawasan Bukit Mertajam; jika ya, sama ada beliau bersetuju sikap dan kelakuan Pegawai Daerah ini mestilah tidak boleh dibenarkan berterusan demi

kepentingan daerah ini dan jika beliau (DO) tidak ingin bertugas benar-benar sebagai seorang pegawai Kerajaan dan tidak ingin mengubahsuaikan sikap dan kelakuannya, sama ada beliau (DO) akan bertukar ke jabatan lain di tempat lain yang lebih sesuai untuknya.

Perdana Menteri: Sepanjang yang diketahui Pegawai Daerah Bukit Mertajam tidak ada melibatkan dirinya dalam pergerakan parti politik dan menyebelahi ahli-ahli Barisan Nasional. Ini adalah selaras dengan perbekalan dalam Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) (Bab 'D') 1980 di mana pegawai-pegawai Kerajaan dalam kumpulan A adalah dilarang mengambil bahagian yang cergas dalam kegiatan politik. Sekiranya pegawai berkenaan tidak mengikut arahan tersebut, beliau boleh diambil tindakan tata tertib dan tindakan-tindakan lain yang difikirkan wajar.

SKIM RUKUN TETANGGA

26. Tuan Lim Cho Hock minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa skim Rukun Tetangga telah mengakibatkan kerugian waktu-kerja (man-hour) dan skim tersebut adalah satu kegagalan yang besar dan tidak berjalan dengan baik. Sekiranya sedar, adakah Kerajaan akan menimbangkan untuk membatalkan seluruh skim tersebut.

Perdana Menteri: Skim Rukun Tetangga yang ditubuhkan pada penghujung tahun 1975 telah berjaya mencapai tujuan pokoknya iaitu mengawal keadaan keselamatan, walaupun telah timbul kesulitan-kesulitan dalam perlaksanaannya. Kerajaan sedang membuat perancangan menyeluruh untuk mengkaji kawasan-kawasan Rukun Tetangga bagi menentukan bahawa tugas rondaan yang akan dikenakan adalah bergantung kepada keadaan keselamatan sesuatu kawasan, setelah mendapat pandangan dari pihak Polis. Mana-mana kawasan yang difikirkan oleh pihak Polis rondaan tidak diperlukan, maka tugas ronda akan dimansuhkan. Seterusnya mana-mana kawasan yang difikirkan perlu diadakan rondaan kerana keadaan keselamatan terancam, maka tugas rondaan

akan dikenakan, dan tugas itu akan dimansuhkan bila keadaan telah menjadi aman semula.

Di mana tugas ronda dimansuhkan Jawatankuasa-jawatakuasa Rukun Tetangga akan menumpukan aktiviti kepada perhubungan masyarakat khususnya kepada muhibbah, kebudayaan, sosial dan sivik untuk mengeratkan lagi perpaduan antara kaum dan mengujudkan semangat kerjasama yang lebih. Aktiviti rondaan dan kegiatan perhubungan masyarakat ini adalah sesuatu yang sangat berfaedah dan patut digalakkan. Kerana itulah Kerajaan memberikan perhatian serious ke atas kedua-dua aspek tersebut dan memperkemaskan aktiviti-aktiviti keselamatan dan perpaduan negara itu di bawah tanggungjawab Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara, Jabatan Perdana Menteri.

BEKALAN BERAS KE SARAWAK

27. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Lembaga Padi dan Beras Negara telah membekalkan beras yang kurang baik mutunya kepada Negeri Sarawak; jika ya, apakah langkah yang akan diambil untuk memastikan bekalan beras mutu baik pada masa yang akan datang.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Padi dan Beras Negara senantiasanya membekalkan beras yang baik ke Sarawak. Beras yang dibekalkan ke Negeri Sarawak itu adalah beras yang di impot dan dibawa terus dari negeri-negeri pengekspot dan sebahagian daripadanya adalah beras tempatan dari Semenanjung Malaysia.

Adalah dimaklumkan juga bahawa sepanjang tahun 1980 LPN telah membekalkan sebanyak 83,171 tan beras ke negeri Sarawak yang terdiri daripada 34,625 tan beras mutu tinggi, 6,940 tan beras mutu sederhana, 37,513 tan beras hancur dan 4,093 tan beras mutu rendah dan beras jenis lain-lain. Keseluruhan beras tersebut adalah beras baik melainkan 1,600 tan adalah beras yang telah disimpan beberapa ketika dalam gudang setokpail di Semenanjung Malaysia sebelum dipindahkan ke negeri Sarawak.

Pada bulan Januari, 1981 sebanyak 1,800 tan beras mutu sederhana yang telah disimpan di dalam gudang simpanan setokpail di Semenajung Malaysia telah dipindahkan ke Sibu Negeri Sarawak. Beras tersebut adalah baik dan oleh kerana ianya telah disimpan lama beras tersebut perlu di proses semula (dibersihkan) sebelum dibekalkan kepada pengguna-pengguna. Ini adalah amalan biasa LPN kerana LPN tidak membekalkan beras ke dalam pasaran sebelum tindakan membersihkan dan memproses semula dijalankan.

PENJUALAN BUKU-BUKU LUCAH

28. Tuan Hussien bin Mahmood minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar tentang penjualan buku-buku lucah yang boleh merosakkan moral masyarakat kita, di pasaran tempatan dan jika ya sama ada buku-buku tersebut telah dirampas dan bilangannya setakat ini dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap pengarah, penerbit, pengedar serta penjual buku-buku tersebut.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Penerbitan-penerbitan yang megandung unsur-unsur prasangka dari segi akhlak adalah dilarang diedar dan dijual untuk bacaan umum. Pihak Polis sentiasa mengawasi pengedaran penerbitan-penerbitan ini dan merampasnya jika di dapati ada dijual kepada orang ramai.

Dalam tahun 1980 sebanyak 18,683 buah naskah penerbitan telah dirampas kerana prasangka dari segi akhlak. Pada awal tahun 1981 sebanyak 172 buah buku-buku tempatan yang prasangka dari segi akhlak telah dirampas dan tindakan Mahkamah sedang diambil sekarang terhadap pengedar dan penjualnya. Ada lagi sebanyak 30 buah tajuk buku-buku tempatan yang disyaki megandung unsur-unsur prasangka dari segi akhlak sedang disiasat. Tindakan-tindakan akan diambil ke atas penerbit dan pengedar buku-buku berkenaan apabila siasatan itu selesai kelak.

UDA MENJADI PENJAMIN KEPADA SYARIKAT USAHASAMA

29. Tuan Haji Ampong bin Puyon minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa ada syarikat usahawan UDA yang menjadi penjamin 100% kepada syarikat usahasama berkenaan. Jika benar, mengapa?

Datin Paduka Rafidah Aziz: Ya, UDA ada menjadi penjamin 100% kepada beberapa syarikat usahasama, iaitu kepada 20 buah syarikat-syarikat usahasama yang mana jumlah jaminan ialah 18,060,457.55.

UDA telah memberi jaminan 100% atas pinjaman-pinjaman usahasama ini oleh kerana institusi peminjam telah menganggap jaminan UDA sebagai perlu untuk memberi keyakinan kepada peminjam-peminjam itu.

MARK KODING—UCAPAN MENGHASUT

30. Tuan Fung Ke Wing minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan telah memutuskan untuk mendakwa Encik Mark Koding, Ahli Parlimen dari Kinabalu kerana ucapannya yang berbentuk menghasut di Parlimen pada tahun 1978 dengan menyeru supaya ditutup sekolah-sekolah rendah Tamil dan China.

Perdana Menteri: Penelitian dari segi undang-undang dalam kes ini masih dalam kajian dan keputusan akan dapat dibuat selepas tamat kajian tersebut.

KEKURANGAN GULA

31. Datuk Stephen Yong Kuet Tze meminta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada kekurangan gula dalam negeri dan adakah Kerajaan akan membenarkan pengimportan gula secara bebas dari negara-negara yang memproses gula untuk menyelesaikan masalah ini.

Dato Lew Sip Hon: Kekurangan gula tidak berlaku lagi selepas harga baru gula pasir diumumkan pada 22hb Januari, 1981 lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pengimpotan gula boleh dibenarkan jika terdapat kekurangan bekalan di dalam negeri dengan syarat harga gula pasir yang hendak dijual oleh pengimport-pengimport hendaklah selaras dengan harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Pada masa berlaku kekurangan gula baru-baru ini Kementerian ada menerima dan meluluskan beberapa permohonan untuk mengimpot gula dari beberapa pihak yang bukan pengilang-pengilang gula tempatan. Akan tetapi tidak satupun dari mereka yang berjaya membuat pengimportan.

KENAIKAN HARGA MINYAK

32. Tuan P. Patto minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada syarikat-syarikat minyak ada memohon kepada Kementerian beliau untuk satu lagi kenaikan harga minyak, jika ya, nyatakan nama syarikat-syarikat itu dan kadar harga baru yang diminta diluluskan, dan apakah pendirian Kerajaan terhadap permohonan ini.

Dato Lew Sip Hon: Jawapan kepada soalan ini telah saya berikan ketika menjawab soalan dari Yang Berhormat wakil dari Bukit Mertajam pada 20hb Mac, 1981 yang lalu. Di sini saya ingin menambah bahawa kadar kenaikan yang diminta oleh syarikat-syarikat minyak adalah berbeza di antara satu dengan lain. Oleh kerana permohonan sedang di dalam kajian, Kerajaan tidak dapat memberi ulasan lanjut mengenainya.

KEMATIAN AKIBAT MINUM SAMSU HARAM

33. Tuan V. David minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar seramai 55 orang telah meninggal dunia sejak tahun 1977 akibat meminum samsu haram; jika ya, nyatakan langkah-langkah berkesan Kerajaan bercadang mengambil untuk menghapuskan penjualan samsu haram, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengkaji aspek sosial penjualan samsu haram dan sama ada beliau berpendapat permintaan untuk samsu akan meningkat

disebabkan tiadanya minuman gantian murah yang lain. Adakah benar penjualan samsu haram telah meningkat sejak 1977 akibat apa yang dikatakan pakatan di antara pihak berkuasa dengan penjual-penjual samsu haram.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Kementerian Kewangan sedar jumlah 55 kematian telah berlaku akibat minum samsu gelap semenjak dari tahun 1977.

Di peringkat ini tindakan sedang diambil untuk menjadikan kesalahan-kesalahan mengilang dan mengedar samsu gelap dan lain-lain kesalahan yang diakui secara bertulis sebagai tidak sesuai dengan kepentingan awam untuk diberi jamin oleh Pendakwa Raya, sebagai kesalahan-kesalahan yang tidak boleh dijamin di bawah Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976.

Terdapat sekarang 9 kilang berlesen mengilang samsu di seluruh negeri yang dianggap mencukupi untuk menampung keperluan-keperluan peminum samsu. Juga terdapat 35 tempat-tempat membottol samsu yang berlesen untuk mengedar minuman ini ke serata negeri (3 di Kedah, 11 di Pulau Pinang, 9 di Perak, 6 di Selangor, 1 di Melaka dan 5 di Johor). Satu permohonan dari Kuantan untuk lesen membottol sedang diproses dan masih dalam pertimbangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Ke tahap ini tindakan-tindakan pelaksanaan terhadap kesalahan-kesalahan samsu gelap tidak dikendurkan. Seluruh Jabatan Kastam telah diarah oleh Ketua Pengarah Kastam menganggap perkara ini sebagai penting dan berat supaya peruntukan-peruntukan dalam Akta Membaharui Undang-Undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 dapat memberi kesan.

Adalah diperhatikan samsu gelap diminum kerana harganya yang murah dan boleh memberi kesan pemabukan yang kuat. Dari sudut pandangan ini maka tidak ada minuman gantian yang murah yang boleh memberi kepuasan yang sama kepada peminum-peminumnya. Penubuhan kilang-kilang samsu berlesen yang tersebut di atas boleh menyumbangkan alternatif kepada samsu

gelap. Untuk merendahkan harga pasaran samsu cukai ke atas telah diturunkan dari \$31 satu proof gelen kepada lebih kurang \$20 satu proof gelen. Dengan ini dinafikan adanya penjualan samsu gelap yang berluasan dan adanya pakatan oleh pihak berkuasa dengan penjual-jual samsu gelap.

Dari tahun 1977 jumlah kes yang dibawa ke Mahkamah, orang yang didapati bersalah, denda dikenakan, samsu, kukusan dan tapai dirampas adalah seperti di jadual berkembar. Dari angka-angka yang ditunjukkan, dapatlah dirumuskan bahawa kes-kes samsu telah berkurangan. Ini adalah kerana kawalan yang berkesan dan tindakan-tindakan positif yang diambil oleh pihak berkuasa mencegah penjualan samsu-samsu gelap.

Adalah menjadi pandangan dan hasrat Jabatan Kastam agar ramai bekerjasama dengan pihak berkuasa dalam usaha menghapus penjualan samsu gelap dengan memberi maklumat-maklumat yang tepat dan menghindari segala bentuk perhubungan dengan pengedar-pengedar samsu gelap.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG

Aturan urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya—

“Ampun Tuanku”,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli

kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kelima.” (20hb Mac, 1981).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini dan hari esok sudah diperuntukkan untuk Yang Berhormat Menteri-menteri menjawab. Tetapi saya telah mendapat persetujuan daripada Yang Berhormat Menteri-menteri iaitu satu jam pada hari ini diperuntukkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam senarai saya seramai 11 orang yang telah bangun hendak berucap. Tetapi dalam masa satu jam itu, saya beri 6 orang sahaja yang bernasib baik iaitu 10 minit saya beri tiap-tiap seorang. Sekarang saya mempersilakan Ahli Yang Berhormat dari Baling.

3.34 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Titah Ucapannya telah menyentuh tentang perpaduan umat Islam dan mengajak mereka supaya berpegang teguh kepada ajaran Islam yang sebenar. Saya mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda kerana membangkitkan perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini dan seruan itu merupakan satu seruan yang sangat tepat pada masa sekarang. Kami daripada Parti ajaran Islam yang sebenar di dalam umat Islam kembali berpegang teguh kepada ajaran Islam yang sebenar di dalam menentukan kehidupan mereka baik di dalam bidang akhlak mahupun di dalam bidang yang menyentuh tentang soal-soal pembangunan dan lain-lain aspek kehidupan terutamanya dalam bidang perundangan.

Saya ingin menghuraikan sedikit di sini mengenai asas berpegang teguh kepada ajaran Islam itu—ajaran Islam yang sebenar yang berasaskan kepada Al-Quran dan sunnah bukan berdasarkan kepada keinginan dari pemerintah semata-mata, itulah ajaran Islam yang sebenar iaitu ajaran yang dikehendaki oleh Allah dan Rasulnya bukan sebagaimana dikehendaki oleh pemimpin-pemimpin dalam Barisan Nasional.

Pegangan Islam yang sebenar berasaskan kepada akidah dan juga kaedah iaitu akidah Islam dan kaedah Islam, keyakinan dan kepercayaan serta ajaran dan juga sistem yang ditentukan oleh Islam itu sendiri dan daripada soal keimanan inilah bertolaknya segala pegangan yang benar terhadap ajaran itu. Hakikat ini tidak dapat diselewengkan dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga menyebut tentang pentingnya soal keimanan di dalam menyusun dan mengatur disiplin rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kami daripada Parti Islam menyokong seruan ini dan mengambil inisiatif dan dayausaha memperteguhkan keimanan masyarakat Islam ini dan kami yakin bahawa dengan pengukuhan keimanan itu dan dengan adanya suatu penjelasan dan penerangan yang benar mengenai hakikat keimanan terhadap Islam itu, kami yakin bahawa kesilapan-kesilapan yang dilakukan dapat

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Sabar!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan boleh beri jalan?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Masa ini tidak banyak.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya wakil tersebut, apakah setakat ini PAS telah membuat sesuatu terhadap memperteguhkan akidah ataupun keimanan di dalam negara dan apakah Kerajaan Barisan Nasional selama ini tidak pernah berjasa ke atas Islam dan menegakkan keimanan di dalam negara ini?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah akan terkandung dalam ulasan saya nanti. Bahawa pengukuhan keimanan itu kami akan menyokong dan kami akan melakukan segala

dayausaha kami untuk meneguhkan keimanan masyarakat Islam ini dan kami tahu bahawa terdapat gejala-gejala keruntuhan keimanan di kalangan masyarakat Islam mungkin di antara sebabnya ialah kejahilan mereka tentang batas-batas keimanan dan juga batas-batas yang menyingkirkan mereka daripada keimanan itu ataupun menguruskan ataupun mengecilkan keimanan mereka. Dengan sebab itulah, maka kami sering menyatakan dan kami sering menerangkan kepada masyarakat umum tentang batas-batas keimanan dan kekufuran di dalam Islam, keimanan dalam pengertian yang mungkin beberapa perbuatan yang dilakukan oleh masyarakat Islam dianggap sebagai perkara kecil tetapi pada Islam itu merupakan perkara besar yang boleh merosakkan keyakinan mereka kepada ajaran Islam. Sebab itulah kami dari semasa ke semasa menerangkan, seperti mana yang terdapat dalam Al-Quran dan Sunnah tentang batas-batas keimanan dan juga batas-batas kekufuran itu supaya masyarakat Islam sedar bahawa mereka tidak tergelincir daripada batas-batas tersebut. Tetapi malangnya usaha-usaha itu telah disalahertikan dan kami dianggap menjalankan suatu ciptaan ataupun suatu gerakan yang hendak mengkafirkan masyarakat Islam.

Dari segi strategi politik pun kami menghendaki orang-orang Islam ini supaya banyak dan kami yakin bahawa dengan sokongan daripada masyarakat Islam yang sepenuhnya yang berasaskan kepada keimanan yang sebenar, maka kami akan dapat menunjukkan contoh ataupun umat Islam yang berpegang teguh kepada ajaran Islam ini dapat menunjukkan contoh yang sebaik-baiknya kepada orang-orang bukan Islam mengenai kehidupan ini dan tidaklah mereka itu hanya mendengar atau pun melihat Islam berdasarkan kepada amalan-amalan yang menyeleweng yang dilakukan oleh orang-orang Islam dan melihat Islam daripada apa yang dilakukan oleh orang-orang Islam yang tidak berpegang teguh kepada ajarannya. Ini merosakkan Islam dan ini merupakan suatu penyelewengan daripada landasan yang sepatutnya. Kami akan membuktikan kepada masyarakat

bukan Islam bahawa di dalam masyarakat yang dikendalikan oleh orang-orang yang berpegang teguh kepada ajaran Islam, keadilan lebih dapat dilihat oleh orang-orang bukan Islam dan orang-orang Islam sendiri lebih lagi dapat dilihat daripada sebuah masyarakat yang dikendalikan oleh orang-orang Islam, tetapi berfahaman sekular, berfahaman kepada fahaman-fahaman yang tidak berdasarkan kepada ajaran-ajaran Islam. Inilah yang kami hendak cuba buktikan kepada masyarakat Malaysia bahawa masyarakat Malaysia akan dapat merasai lebih keadilan dan kenikmatan serta kesejahteraan jika negara ini dikendalikan oleh orang-orang yang berpegang teguh kepada ajaran Islam dan juga oleh orang-orang yang sekurang-kurangnya berfikiran Islam.

Wakil dari Kangar telah menuduh PAS dalam soal hendak membuktikan bahawa PAS suka mengkafirkan orang. Ia cuba membuktikan kepada suatu perkara yang katanya diciptakan oleh PAS sendiri iaitu, dengan izin: *Man-kafara-musliman fakad-kafara, wa-manlam yukaffiru kufuran fakad-kafara, wa mansyaka fil kufri fakad-kafara*, iaitu sesiapa yang mengkafirkan seseorang muslim sebenarnya ialah kafir dan sesiapa yang tidak mengkufurkan kekufuran sesungguhnya ia kufur dan sesiapa yang syak dalam kekufuran kufur itu maka ia juga kufur. Dikatakannya bahawa ini adalah ciptaan PAS.

Saya ingin menyatakan kepada wakil dari Kangar itu, kalau tidak tahu hujung pangkalnya, jangan menuduh orang sebarang; jangan kahwin kalau tidak tahu jantan/betina, kalau sekiranya yang ada ialah dayung patah, jangan cuba mengharung lautan. Ini adalah suatu kaedah usulliah, kaedah usulliah yang merupakan suatu ketetapan yang berdasarkan kepada Al-Quran dan Sunnah dan bukanlah ini suatu ciptaan daripada PAS sendiri dan kaedah-kaedah yang jelas ini telahpun wujud di dalam ajaran Islam dan di dalam Al-Quran dan Sunnah dan jika sekiranya pemimpin-pemimpin UMNO jujur di dalam masalah dan isu kafir mengkafir ini, kami menganjurkan supaya diadakan persidangan bersama di antara ulamak-ulamak PAS dan ulamak-ulamak UMNO untuk

membincangkan masalah-masalah tersebut dan kami mencabar dan kami mengajak mereka supaya duduk bersama-sama untuk membincangkan perkara ini bagi mencari suatu jalan, bagi mencari suatu ketetapan di dalam suatu kongress yang besar yang tidak sahaja diduduki oleh wakil-wakil dan ulamak-ulamak daripada PAS tetapi juga wakil-wakil dan ulamak-ulamak daripada badan-badan berkanun, daripada badan-badan yang berkecuali untuk membincangkan masalah keimanan orang-orang Islam dan garis-garis panduan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. dan Rasulnya dan juga kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh ulamak-ulamak muktabar mengenai keimanan dan kekufuran ini dan sama ada penglibatan daripada pemimpin-pemimpin mengenai perbuatan-perbuatan yang pada mereka dianggap kecil tetapi Islam menganggap besar, adakah perkara-pekerja ini juga telah menyentuh keimanan masyarakat Islam kerana pemimpin-pemimpin ini mempunyai pengikut-pengikut mereka dan ianya memberi kesan kepada masyarakat Islam dan bagi kami kalau sekiranya benar, jujur bahawa mereka mengeluarkan isu ini dengan kerana untuk menegakkan keimanan masyarakat Islam, maka kami anjurkan, maka kami mengajak mereka berada bersama-sama membincangkan perkara itu dengan telitinya demi untuk perpaduan masyarakat Islam berdasarkan kepada ajaran Islam yang sebenar, bukan berdasarkan kepada kehendak pemimpin-pemimpin Barisan Nasional tetapi ialah berdasarkan kepada Islam yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. dan Rasulnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada satu minit lagi.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor.

3.49 ptg.

Dato Michael Chen Wing Sum (Ulu Selangor): Tuan Yang di-Pertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah melahirkan

dengan tepat sekali kepada Dewan yang mulia ini bahawa kita sekarang mulai melangkah ke dalam dekad kedua pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan di samping itu Kerajaan kita akan melancarkan Rancangan Malaysia Keempat. Ini bermakna pemikiran dan sikap baru dari Kerajaan rakyat dikehendaki untuk menghadapi cabaran dalam era baru di masa hadapan.

Jika kita tinjau di kebelakangan ini kita dapati masa berlalu dengan cepat sekali dan Rancangan Malaysia Ketiga telah hampir berakhir dan negara kita akan berada di dalam tahun ke 25 wujudnya semenjak Kemerdekaan dalam tahun 1957. Rancangan Malaysia Ketiga tidak syak lagi telah mengukuhkan lagi asas ekonomi kita dan ini telah memberi faedah dan meninggikan lagi taraf hidup rakyat secara keseluruhannya. Walau apa pun pencapaian yang kita telah capai dalam bentuk kemewahan kebendaan maka Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkali-kali menyeru rakyat lebih berhati-hati mengenai tugas, tanggungjawab dan kewajipan mereka terhadap agama, diri sendiri, keluarga, bangsa dan negara.

Saya sungguh bersetuju sepenuhnya bahawa kita mestilah mempunyai masyarakat yang berdisiplin. Sungguhpun Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengawal inflasi tetapi masih serius dengan mengambil keuntungan yang berlebihan oleh segolongan rakyat. Maka ini menjadi salah satu faktor yang keadaan inflasi menjadi lebih buruk. Selain dari perbelanjaan yang berlebihan oleh setengah-setengah golongan rakyat dan hasil dari projek-projek Kerajaan diperingkat Persekutuan dan Negeri yang membazir adalah menjadi faktor juga untuk diawasi. Negara kita sungguh bernasib baik kerana mempunyai pendapatan dari punca minyak. Di masa kita menghadapi keadaan inflasi, kalau tidak tanpa bahan ini maka kita akan menghadapi kesulitan untuk hidup yang mana kita masih dapat hidup dengan selesa dihari ini. Walau bagaimanapun kita janganlah lupa bahawa di masa 5-6 tahun yang sudah bila mana Kerajaan menghadapi kesulitan untuk mendapatkan wang yang cukup untuk membayar gaji pekerja-pekerja.

Kebimbangan kita bukanlah sekarang, mungkin 20 tahun yang akan datang, selagi kita mempunyai hasil pendapatan dari minyak untuk membantu kita, kecuali Allah akan memberi minyak selama-lamanya. Apa akan terjadi kepada kita apabila bekalan minyak telah kehabisan? Adalah menjadi sangat baik kepada negara atau individu menjadi kaya dari miskin tetapi kita tidak dapat gambarkan jika seseorang itu miskin dari yang kaya. Dengan itu adalah perlu kepada kita semua untuk memandang jauh ke hadapan seperti kata perpatih: Sediakan payung, sebelum hujan, walaupun cuaca baik. Dalam konteks ini pula bukan sahaja kita dapat mengawal inflasi tetapi juga mestilah dapat mengawal perbelanjaan yang berlebihan dan membazir.

Hakikatnya Malaysia adalah negara pertanian. Ini memerlukan dasar pertanian kebangsaan dengan rancangan yang komprehensif yang lebih menitikberatkan selaras dengan penggunaan pengeluaran barangan kita. Apa jenis kemudahan-kemudahan yang telah disediakan di kawasan-kawasan bandar ini mestilah juga disediakan di kawasan-kawasan luar bandar. Saya sungguh sukacita mendapati bahawa Kerajaan akan mempercepatkan rancangan-rancangan untuk bekalan elektrik ke kampung-kampung baru, tradisional dan kampung-kampung, tetapi saya ingin menarik perhatian khas kepada Kerajaan untuk membekalkan elektrik ke rancangan-rancangan FELDA. Kebanyakan rancangan-rancangan FELDA masih belum mempunyai bekalan elektrik.

Bercakap mengenai peneroka FELDA, saya percaya bahawa mereka hendaklah dijeniskan sebagai pekebun kecil estet. Tetapi saya tidak ketahui mengapa mereka tidak diberi subsidi mengenai baja yang mana pekebun kecil yang lain diberi subsidi. Saya berharap Kerajaan akan memberi perhatian dalam perkara ini.

Satu Kurikulum baru akan diwujudkan untuk pelajaran rendah yang mana bertujuan untuk menyediakan asas pelajaran yang kukuh terutama dalam masa 3 asas iaitu Menulis Membaca dan Mengira. Cadangan ini telah diterima secara keseluruhannya tetapi

sekolah-sekolah China berasa bimbang sama ada pendekatan ini akan menjejaskan mutu pelajaran bahasa China dan juga waktu yang diperuntukkan kepada pelajaran melalui penghantar China akan dikurangkan. Saya berharap Kerajaan akan memberi butir-butir mengenai kurikulum ini kepada orang ramai supaya membolehkan mereka yang berkenaan berpeluang memberi cadangan sebelum dilaksanakan.

Satu lagi masalah yang dihadapi oleh segolongan kecil rakyat kita ialah mereka yang baru berkhawin yang isteri mereka adalah mempunyai kerakyatan negara asing untuk tinggal tetap di negara ini. Ini disebabkan beberapa sebab yang saya difahamkan bahawa Kerajaan cuma membenarkan isteri-isteri negara asing tinggal untuk tempoh 3 bulan memiliki pas lawatan sosial pada kali pertama. Kemudian mereka terpaksa meninggalkan negara ini dan memohon semula untuk balik ke negara ini pula. Peraturan ini mestilah diulang untuk tempoh 5 tahun dan barulah mereka ditimbang untuk tinggal tetap di negara ini. Bagi tujuan ini untuk mengelakkan kesulitan kepada mereka, saya berharap Kerajaan akan menimbang membenarkan yang mempunyai isteri negara asing tinggal di sini dari setahun ke setahun bukan lagi dari 3 bulan ke tiga bulan.

Satu perkara yang telah berlaku baru-baru ini di Klang yang mana saya berpendapat untuk mendapat perhatian Dewan ini serta dibincangkan dan juga mendapat nasihat dari Kerajaan iaitu pada 8hb Mac, 1981, Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, apabila masyarakat China bersama-sama menderma wang untuk membina pintu gerbang untuk turut serta merayakan perayaan tersebut. Di pintu gerbang itu selain dari perkataan-perkataan yang perlu ditulis dalam Bahasa Malaysia, ada juga terjemahan dalam bahasa China, malangnya pihak berkuasa tempatan memerintah supaya tulisan China itu dikeluarkan. Tindakan ini telah menjadi sungutan dan perasaan tidak puas di kalangan masyarakat China. Soalnya sama ada tulisan China boleh ditambah di pintu gerbang itu tidaklah begitu jelas. Dalam pendapat saya perlembagaan Malaysia tidak menghalang

penggunaan tulisan China sebagai terjemahan kepada Bahasa Malaysia terutama sekali pintu gerbang yang dibina oleh masyarakat untuk merayakan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan yang mereka kasihi itu. Untuk mengelakkan kejadian yang begitu sedih tidak berlaku lagi, saya berharap Kerajaan akan memberi arahan yang jelas mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

3.58 ptg.

Tuan Peter Paul Dason (Bukit Bendera): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian atas usul di hadapan Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, akibat Warisan kolonial kita, Malaysia adalah sebuah negara berbilang bangsa, kebudayaan, bahasa dan ugama, dan tugas tunggal yang maha penting bagi mana-mana pimpinan politik di negara ini, ialah pengujudan sebuah negara dari pelbagai kaum, serta juga untuk mengujudkan identiti dan kesedaran kebangsaan, supaya kita akan mejadi Malaysians dalam outlook dan pemikiran kita. Dengan mengiktirafkan realiti ini, penggubal-penggubal perlembagaan negara, apabila mengubal perlembagaan kita, telah menentukan terdapat jaminan-jaminan yang cukup, dalam perlembagaan untuk menjamin

- (1) hak untuk menerima pelajaran ibunda,
- (2) pgunaan bebas bahasa Cina, Tamil dan Inggeris untuk tujuan bukan rasmi
- (3) kebebasan beragama

Untuk mewujudkan identiti dan kesedaran kebangsaan, adalah penting supaya semua kaum di negara ini bertoleransi, menerima dan memahami warisan kebudayaan, bahasa dan ugama lain-lain, kerana jika tidak, hanya ketidak toleransi, salah faham dan perpecahan akan wujud. Walau bagaimanapun, sejak merdeka, jaminan-jaminan Perlembagaan itu telah dipersoalkan oleh anasir-anasir ekstremis dalam UMNO dan setiap hari anasir-anasir ekstremis ini

makin bertambah berani dan menyoal jaminan-jaminan berkait dengan bahasa, amalan kebudayaan, pelajaran ibunda dan hak kaum-kaum lain untuk pratikkan secara sah kebebasan ugama mereka.

Anasir-anasir ekstremis dalam UMNO ini telah menyeru supaya sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil di negara ini dihapuskan dan seruan-seruan ini adalah bersifat hasutan dan ia telah dibuat oleh Ketua Pemuda UMNO Dato Haji Suhaimi dan Tuan Haji Jelani. Seruan-seruan ini dibenarkan dan tindakan undang-undang tidak diambil terhadap mereka ini, meskipun laporan polis telah dibuat terhadap seruan-seruan ekstremis itu. Mengapakah Kerajaan tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka ini?

Anasir-anasir ekstremis lain telah mengggesa supaya Bahasa Cina, Inggeris dan Tamil diharamkan dari digunakan di papan-papan tanda komersial dan seruan-seruan ini adalah terang-terang bertentangan dengan jaminan-jaminan yang termaktub dalam Perlembagaan kita yang mana Perlembagaan kita adalah undang-undang teragung di tanahair kita. Apakah tindakan yang Kerajaan telah ambil untuk hentikan anasir-anasir ekstremis ini yang datangnya dari khalayak ahli-ahli Barisan Nasional sendiri dan membuat seruan-seruan seumpama itu? Adalah jelas pihak Barisan Nasional telah gagal untuk menyemai (inculcate) dikalangan ahli-ahlinya sikap toleransi, penerimaan dan fahaman, akan hak-hak sah orang-orang bukan Melayu dan Barisan Nasional juga telah gagal untuk mendapatkan ahli-ahlinya memahami peruntukan-peruntukan Perlembagaan berkait dengan isu-isu berkenaan. Kerajaan harus sedar bahawa kegagalannya untuk mengambil tindakan terhadap anasir-anasir ekstremis ini telah sebenarnya menggalakkan ekstremis-ekstremis tersebut.

Sejak kebelakangan ini, fanatisme ugama telah menjadi lebih buruk. Tempat-tempat suci kaum-kaum bukan Islam telah dimusnahkan dan seruan-seruan telah dibuat untuk mengubah atau henti pembinaan patung "Goddess of Mercy" di Ayer Itam, Pulau Pinang sepertimana dirancang dan diluluskan terlebih awal. Tuan Yang di-

Pertua, pembinaan kuil-kuil, gereja-gereja, patung-patung dan pagoda-pagoda hanya merupakan amalan kebebasan beragama dan sebarang halangan yang dikenakan ke atas mereka yang ingin mengguna dan mengamalkan kebebasan beragama adalah bertentangan dengan isi dan semangat Perlembagaan negara ini. Kerajaan telah gagal menyemai sikap toleransi, penerimaan dan fahaman di kalangan rakyat Malaysia tentang hak-hak kebudayaan dan ugama setiap orang. Setiap tahun rakyat kita saksikan bahawa ketidak toleransi dan salah faham telah bertambah buruk dan degree ketidak toleransi itu telah menjadi amat buruk dan jika trend ini tidak dikawal, kita akan mewasiatkan generasi akan datang sebuah negara yang tidak bersatupadu dan intolerant terhadap perbezaan-perbezaan kebudayaan dan ugama yang pasti akan wujud di sebuah negara berbilang bangsa seperti Malaysia.

Parti DAP menyeru Kerajaan mengiktirafkan bahaya-bahaya yang dihadapi oleh negara kita dari anasir-anasir ekstremis ini yang didapati dalam kalangan UMNO serta juga mengambil tindakan yang perlu untuk hentikan mereka ini dari memecah belahkan rakyat kita. Seruan-seruan ekstremis ini dan 'Lack of stern action' oleh Kerajaan untuk hentikan mereka ini, telah membuat berjuta-juta rakyat Malaysia berasa bimbang dan kurang senang hati serta juga telah mewujudkan perasaan kurang selamat atau 'sense of insecurity'. Mereka khawatir jaminan-jaminan Perlembagaan yang sedia ada, mungkin adalah kurang mencukupi untuk menjamin hak-hak sah mereka berkait dengan soal pelajaran bahasa ibunda, penggunaan bebas bahasa-bahasa lain dan kebebasan untuk beragama. Maka dengan itu adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menunjukkan melalui perbuatan dan tindakan yang Kerajaan tidak akan membiarkan apa-apa seruan atau percubaan untuk erode atau megikis jaminan-jaminan Perlembagaan berkait dengan isu-isu tersebut.

Matlamat Dasar Ekonomi Baru ialah (1) pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan pembasmian identiti kerja dengan kaum dan (2) penyusunan semula masyarakat untuk membetulkan ketidak seimbangan

ekonomi yang wujud di antara kaum di Malaysia di mana adalah dirancangan bahawa kaum Melayu atau bumiputra akan memegang 30 peratus syer dalam ekonomi kita. Tahun ini kita telah mula melangkah ke dalam dekad kedua pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Parti DAP menyokong kedua-dua objektif DEB. Akan tetapi kita mempunyai 'reservations' berkait dengan soal keadilan dan equiti dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru selama 10 tahun ini hanya telah memecah belahkan rakyat Malaysia ke dalam orang-orang bumiputra dan orang-orang bukan bumiputra. Anasir-anasir ekstremis dalam UMNO telah juga menyeru supaya kawalan dikenakan ke atas aktiviti ekonomi orang-orang bukan bumiputra untuk menentukan bahawa orang-orang bumiputra dapat mencapai target Dasar Ekonomi Baru untuk memegang 30 peratus ekonomi negara kita. Mereka telah juga menyeru Kerajaan untuk menambah syer ke ekonomi kepada 51 peratus. Seruan-seruan seumpama ini adalah bertentangan dengan jaminan-jaminan yang diberi oleh para Menteri apabila Dasar Ekonomi Baru dilancarkan. Seruan-seruan ini hanya telah menyebabkan kaum bukan bumiputra di negara ini merasa yang kedudukan ekonomi mereka akan dibenarkan merosot supaya orang-orang bumiputra dapat bukan sahaja mencapai target Dasar Ekonomi Baru untuk memegang 30 peratus dalam bidang ekonomi tetapi juga mencapai tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh orang-orang ekstremis supaya target 30 peratus itu dinaikkan kepada 51 peratus.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Ahli Yang Berhormat dari Mantin.

4.09 ptg.

Datuk Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut sama untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda di-Pertuan Agong bagi Titah Ucapan kepada Dewan yang mulia baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada seruan Seri Paduka Baginda kepada rakyat jelata supaya menanamkan semangat disiplin diri. Dalam hubungan ini saya ingin

menyatakan bahawa semangat disiplin diri hanya dapat dicapai oleh rakyat melalui disiplin di sekolah-sekolah. Baru-baru ini adalah wujudnya kejadian-kejadian hooliganism antara pelajar-pelajar dan kita berasa gembira mengetahui bahawa Kementerian Pelajaran sedang menubuhkan sebuah unit disiplin khas. Perlunya mengambil tindakan-tindakan serta-merta atas perkara ini. Walau bagaimanapun ketika penubuhan unit disiplin khas itu perhatian-perhatian patut diambil supaya menjamin hukuman kepada pengacau-pengacau muda. Langkah-langkah patut diambil supaya menjamin bahawa ini dijalankan dengan menasabah dan adil. Perlunya mengadakan pemeriksaan yang wajar dan tiap-tiap tindakan patutlah adil dan lurus. Kita mesti juga memeriksa sebab-sebab punca tidak berdisiplin antara sekumpulan pelajar-pelajar itu.

Dalam usaha memberi pelajaran kepada pelajar-pelajar itu adakah guru-guru sekolah itu tidak menjalankan kerja mereka kurang bersesuaian. Guru-guru mesti mengingati bahawa pelajaran bukan bermakna mengajar pelajar-pelajar bagaimana membaca, menulis dan mengira. Mereka mesti diajari sivil bagaimana membezakan baik daripada kejahatan dan tingkah laku bersopan-santun. Ibubapa juga patut bertanggungjawab bagi latihan yang betul kepada anak-anak mereka ketika di rumah. Kita mengetahui bahawa suasana di sekeliling rumah adalah faktor yang sangat mustahak.

Oleh sebab ini kita mengalu-alukan keinginan Kerajaan untuk membina lebih banyak rumah-rumah khususnya rumah-rumah kos rendah dengan menggunakan berbagai-bagai strategi baru. Oleh kerana kekurangan kemudahan-kemudahan environment yang berfaedah kepada rakyat yang menjadikan warganegara yang baik di kawasan-kawasan miskin atau kawasan-kawasan setinggan mungkin wujud merbahaya kepada kanak-kanak dan belia oleh sebab mereka senang jatuh masuk keperangkap kejahatan atau perbuatan jenayah atau penyalahgunaan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita melalui berbagai agensi-agensinya bukan hanya membuat sesuatu dengan sedaya-

upaya supaya meninggikan taraf kehidupan dan membekalkan lebih banyak kerja-kerja kepada rakyat kita. Ianya juga mesti menjamin bahawa dalam proses pelaksanaan berbagai polisi-polisi yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda itu dan juga dalam Rancangan Malaysia Keempat bahawa tiap-tiap orang tanpa mengira kaumnya patut diberi peluang-peluang yang adil. Dan dalam pelaksanaan polisi-polisi patutlah juga wujud kekurangan birokrasi dan red tape. Pengalaman telah menunjukkan bahawa birokrasi dan red tape telah menghalang pelaksanaan projek dalam negara ini.

Adalah satu hakikat terbuka bahawa lebih kurang sebanyak 30% projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga belum disiapkan pada hujung tempoh Rancangan Malaysia Ketiga itu. Apakah sebab-sebab itu? Adalah diketahui bahawa setengah-setengah projek belum disiapkan kerana setengah-setengah pegawai tidaklah diberikuasa yang cukup. Tiap-tiap perkara mesti ditetapkan di peringkat Kementerian dan adalah ternyata bahawa keputusan mengambil masa yang begitu panjang barulah dijalankan. Sementara itu kos-kos projek bila menunggu keputusan itu telah naik dua atau tiga kali gandanya oleh sebab inflasi muncul dalam kos bahan-bahan pembinaan.

Misal yang lain adalah kekurangan sains urusan dalam pejabat-pejabat Kerajaan. Setengah pegawai-pegawai dan kerani-kerani yang selalu sibuk dengan kerja mereka bila nampak pegawai-pegawai lain yang ada banyak keluangan waktu. Tidak ada satu kajian wajar atas bagaimana pembahagian kerja dengan adilnya, dengan izin, proper division of workload. Kejadian-kejadian ini jika dibiarkan terus-menerus akan menjejaskan semangat kerajinan pegawai-pegawai atau kerani-kerani yang dibebankan terlalu banyak kerja. Mereka juga akan mencari keluangan waktu. Mengapa kerja begitu rajin bila orang lain mendapat gaji yang sama walaupun tidak kerja begitu rajin. Ini akan menjadikan tingkah laku yang kasar terhadap orangramai dan akhirnya Kerajaan mendapat satu imej yang buruk.

Ahli-ahli Yang Berhormat boleh melihat sendiri iaitu tiap-tiap hari muncullah barisan

menunggu giliran masing-masing yang panjang di pejabat-pejabat Kerajaan yang dibebankan dengan terlalu banyak kerja seperti Jabatan Imijeresen Malaysia, Pejabat Pengangkutan dan wad-wad pesakit luar di Hospital Besar dan berjuta-juta ringgit yang telah diprojekkan dalam anggaran tahun 1981 dan dalam Rancangan Malaysia Keempat yang akan datang itu adakah kita mempunyai cukup pegawai-pegawai yang telah dilatih dalam sistem urusan kewangan supaya mereka berkebolehan menjalankan urusan-urusan wajar atas jumlah ringgit-ringgit yang begitu besar dan yang akan dibelanjakan itu. Adakah satu program latihan supaya melatih cukup pegawai-pegawai dan kakitangan yang boleh membuat kawalan stock and inventory control bagi barang-barang yang begitu besar yang dibeli tiap-tiap tahun oleh JKR, Pasukan Polis dan Kementerian Pertahanan itu. Masalah-masalah tersebut perlulah diberi pertimbangan yang teliti dalam kebaikan jentera pentadbiran itu.

Kami juga berasa gembira memperhatikan bahawa Kerajaan sedang mengamalkan satu sistem supaya kakitangan Kerajaan yang benar-benar berkesan dan efficient akan dihadiahkan. Langkah ini sangat dialu-alukan dan kakitangan Kerajaan sekarang akan sedar bahawa adalah kerajinan dan kebolehan akan dipertimbangkan bila membuat sesuatu kenaikan pangkat.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menyatakan bahawa ianya akan memperluaskan sistem pengangkutan dan kemudahan-kemudahan infrastruktur serta lain-lain kemudahan awam. Dalam hubungan ini saya merujuk kepada sistem keretapi yang telah diwarisi dari Kerajaan kolonial dahulu. Perluasan landasan keretapi yang sedia ada atau membeli locomotive-locomotive baru dan keretapi baru bukanlah boleh menyelesaikan masalah itu. Apa yang kita perlukan ialah satu kajian semula terhadap sistem sekarang dan satu kajian di jalankan supaya mengetahui bolehkah mengubah landasan-landasan keretapi yang sempit sekarang kepada landasan-landasan yang lebih lebar seperti landasan-landasan yang sedang digunakan di Jepun dan negara-negara barat, di mana keretapi elektrik atau berenjin diesel digunakan yang dapat membawa lebih

banyak muatan, penumpang-penumpang dan barang-barang dengan lebih murah dan cepat. Perbelanjaan mulanya memanglah berat tetapi memandangkan kekurangan minyak dunia hari ini maka telah tiba masanya bagi Kerajaan kita membuat kajian mendalam terhadap sistem pengangkutan kita dengan tujuan menjimatkan sumber-sumber minyak kita. Sementara itu dengan pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Keempat

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa cukup!

Ahli Yang Berhormat dari Parit.

4.19 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan terlebih dahulu kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut serta memberikan sokongan saya kepada usul atas nama Yang Berhormat dari Matang, Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali untuk Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana berkenan bertitah semasa membuka Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga bagi Parlimen Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu banyak perkara penting telah disentuh seperti Dasar Ekonomi Baru, Rancangan Malaysia Keempat, Pembangunan Dasar Luar dan berbagai-bagai lagi. Saya tidaklah berhajat hendak menyentuh semua perkara ini tetapi izinkan saya membuat ulasan mengenai beberapa perkara yang menarik minat saya.

Perkara yang pertama yang saya hendak sentuh ialah mengenai kemerosotan ekonomi dunia yang kini dapat dirasai oleh kita. Walaupun negara kita telah berjaya menghadapi berbagai cabaran, ini dapat dilakukan dengan kebijaksanaan Menteri Kewangan kita, Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh serta sumber-sumber alam semula jadi yang kaya di negara kita. Langkah yang paling bijak sekali ialah dengan dapat mengurangkan kadar inflasi yang menekan seluruh dunia dan di samping itu dapat meneruskan rancangan-rancangan pembangunan yang pesat di seluruh negara.

Walaupun inflasi mula berlaku semenjak tahun 1973 lebih kurang yang mana kadarnya pada masa itu ialah 10% tetapi kini dapat dikurangkan sehingga 3% kalau tidak silap saya. Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan oleh Kerajaan di mana penyertaan bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian sebanyak 30% dalam tahun 1990 adalah salah satu matlamatnya. Saya berasa yakin bahawa matlamat ini akan tercapai dengan berbagai peluang diberikan kepada bumiputra.

Dalam hubungan ini saya merasa kesal ada setengah bank enggan memberi kerjasama kepada bumiputra apabila memohon pinjaman walaupun pinjaman itu dijamin oleh beberapa orang ternama. Seperti kita sedia maklum bumiputra memang kekurangan modal untuk memulakan dan meneruskan perniagaan dan lain-lain projek ekonomi yang memerlukan modal. Dalam hal ini saya suka memberikan setinggi tahniah kepada UDA yang menurut kenyataannya akan memberi keutamaan kepada pembangunan bandar baru di mana dalam kawasan yang sedang membangun seperti KESEDAR, KEJORA, KETENGAH dan lain-lain lagi yang sebilangan besar penduduknya adalah terdiri dari kaum Bumiputra. Saya berharap UDA juga akan memberi peluang kepada bumiputra supaya boleh membuka perniagaan yang besar iaitu di rumah batu tidak seperti sekarang di mana kita dapat menyaksikan sendiri bumiputra hanya berniaga di tempat-tempat luar dan di laluan orang ramai dan ada yang terpencil. Oleh kerana tempat yang sesuai bagi bumiputra untuk menjalankan urusan perniagaan di dalam bandar tidak disediakan oleh pihak yang berkuasa maka terpaksa bumiputra berniaga di kaki lima kedai. Ini adalah satu perkara yang nyata menunjukkan betapa lemahnya bumiputra dalam bidang perniagaan. Oleh yang demikian, saya suka menyeru Kerajaan supaya mengambil berat mengenai perkara ini sekiranya mahu melihat kejayaan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1990 nanti. Oleh kerana bumiputra dahulu terlampau jauh ketinggalan dalam bidang ini maka bumiputra terpaksa berlari tiga kali ganda lajunya dari kaum yang lain untuk bersama dalam tahun matlamat kita itu.

Untuk memberi kelajuan itu bumiputra terpaksa bergantung penuh dengan Kerajaan

di samping menghadapi persaingan dengan kaum lain tadi kerana ada gejala-gejala yang ingin melihat kehancuran Dasar Ekonomi Baru kini. Persamaan taraf ekonomi di antara kaum akan dapat menjamin perpaduan negara tetapi kalau setakat ini sudah ada berbagai halangan untuk meleburkan Dasar Ekonomi Baru apatah lagi apabila sudah tercapai nanti.

Kerajaan telah banyak berusaha meninggikan taraf hidup penduduk di luar bandar dengan membekalkan elektrik, paip air, jalan dan lain-lain infrastruktur. Di sini saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat, terutama Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, Tenaga, Telekom dan Pos, Pertanian, Pelajaran dan lain-lain lagi kerana telah membekalkan kawasan saya Parit dengan segala kemudahan ini kecuali di satu dua tempat lagi masih belum mendapat infrastuktur ini. Namun begitu, saya percaya pihak berkenaan tentu tidak akan berdiam diri tetapi akan mengambil tindakan yang sewajarnya di tempat yang ketiadaan kemudahan ini, kerana saya percaya pegawai-pegawai Kementerian berkenaan yang ada mendengar ucapan saya sekarang akan bertindak dengan segera untuk mengatasi masalah ini. Tetapi meninggikan taraf hidup sahaja tidak memberi kesan yang baik jika tidak disertai dengan meninggikan pendapatan mereka. Oleh kerana ramai penduduk di kawasan saya terdiri dari pemetong getah saya harap Kerajaan akan berusaha mencari pasaran di dunia untuk meninggikan harga getah. Sekati getah sekarang kalau dibandingkan tidak sama dengan sekati gula. Nasib baik sekarang berkat pertolongan Kementerian Pertanian mereka dapat menanam padi dua kali setahun, kalau tidak mereka akan bertambah menderitanya. Oleh itu, saya harap Kerajaan akan menaikkan harga getah. Yang peliknya barang yang kita beli bertambah harganya, barang yang kita jual semakin kurang harganya.

Dahulu semasa getah hampir \$2 sekati, kini berharga \$1.05 getah 80 sen lebih kurang sekati. Untuk meninggikan taraf pendapatan penduduk luar bandar Kerajaan juga membuat berbagai usaha, di antara lain,

dengan menaikkan harga padi serta memberikan subsidi, tetapi tidak berapa berkesan kerana masih banyak sawah yang tidak diusahakan akibat kekurangan tenaga buruh. Ini juga telah diatasi dengan memodenkan sektor ini dengan menggunakan jentera tetapi jentera tidak dapat digunakan dalam segala kerja persawahan, umpamanya, penanaman, kerja menuai serta kerja merumput padi, kekurangan tenaga buruh adalah disebabkan terdirinya banyak industri di bandar. Jadi kaum belia sama ada lelaki atau perempuan telah bertumpu ke bandar kerana keadaan kerja dan pendapatan yang lebih baik sehingga mereka hilang minat untuk membuat kerja di kampung. Oleh itu, saya harap Kerajaan dapat berbuat sesuatu supaya penghijrahan belia ke bandar dapat dikurangkan. Kita harus memberi kesedaran kepada mereka iaitu bekerja sendiri adalah lebih mulia daripada makan gaji. Kita harus menyedarkan mereka bahawa kerja di bandar tidak akan kekal kerana apabila mereka tua nanti mereka akan kembali ke kampung juga untuk meneruskan pekerjaan sendiri. Lagipun hasil dari titik-peluh sendiri adalah lebih mendatangkan kesan daripada makan gaji.

Satu langkah lagi yang baik yang telah diambil oleh Kerajaan ialah pemindahan Pusat Getah dari London ke Kuala Lumpur menurut perjanjian Getah Asli Antarabangsa. Perkara ini sepatutnya sudah lama dijalankan memandangkan negara ini pengeluar utama bahan ini. Kita tidak harus memberi pihak yang lain untuk mengendalikan bahan kita seperti getah. Pujian yang ikhlas saya berikan kepada Kementerian Perusahaan Utama kerana telah bertindak dengan wajar dalam hal ini. Kita kena mendirikan banyak kilang untuk memproses getah. Kalau pada satu masa dahulu kita cuma mengeksport untuk diproses kemudian kita membeli kembali getah yang telah dijadikan tayar umpamanya untuk kegunaan kita. Dalam hubungan ini pujian patut diberi kepada Pusat Penyelidikan Getah Sungai Buluh yang telah berusaha mencari berbagai cara untuk meningkatkan pengeluaran susu getah. Walaupun getah asli menghadapi persaingan dengan getah tiruan tetapi ini boleh diatasi dengan pengeluaran yang pesat, kerana

pengeluaran getah tiruan memerlukan banyak belanja, di samping itu harga getah juga dapat distabilkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Baginda ada juga disebut tentang menambah bilangan angkatan tentera dan polis serta kelengkapan dan peralatan. Ini adalah satu dasar yang baik bagi keselamatan dan pertahanan negara di samping dapat mengurangkan kadar pengangguran di kalangan belia. Tetapi di akhir-akhir ini belia-belia kita nampaknya kurang minat dalam bidang ini. Ini disebabkan mereka telah tidak ditanam semangat cintakan tanah air semenjak mereka di bangku sekolah. Malah syarat perkhidmatan dan tanggungaji yang lebih baik ditawarkan kepada mereka. Semangat cintakan tanah air ini sepatutnya ditanam pada setiap pemuda dan pemudi kita supaya mereka tidak akan lari dari berkorban untuk menjaga keselamatan dan kedaulatan kita. Oleh kerana tiada semangat ini mereka terutama belia lebih suka kepada makan gaji. Sikap seperti ini hendaklah diubah kerana kedaulatan dan pertahanan negara adalah terletak di bahu belia. Menambah bilangan angkatan pasukan keselamatan akan lebih menyakinkan kita supaya tidak lagi bergantung kepada lain-lain negara dengan menubuhkan pakatan atau perjanjian pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup. Ahli Yang Berhormat dari Damansara.

4.30 ptg.

Tuan V. David (Damansara): Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa kestabilan Kerajaan tidak semata-mata bergantung kepada kekuatannya dari segi bilangan sahaja tetapi juga kepada kemampuan Kerajaan untuk mendapatkan sokongan dari seluruh negara atas isu-isu penting. Ianya memerlukan keupayaan untuk menilai dan mengeluarkan consensus kebangsaan tanpa mengira batasan politik dengan mengatasi kepentingan politik, kepartian serta mengambil satu pandangan yang alleviated terhadap masalah-masalah negara. Pihak Barisan Nasional masih belum lagi mengidentifikasi isu-isu kebangsaan tetapi sebaliknya terus memperkatakan tentang ancaman-ancaman kepada keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pihak pembangkang tidak dirundingkan dahulu berkait dengan isu-isu kebangsaan tetapi sebaliknya telah dipandang hina dan dikeji dengan cara yang jahat. Jika sekiranya pihak Barisan Nasional percaya kepada konsep demokrasi berparlimen maka ia hendaklah sedia menerima kritik-kritik apabila ia membuat kesilapan untuk victimise pihak Pembangkang yang semata-mata kerana ia menerangkan kebenaran tidaklah selaras dengan sifat-sifat demokrasi berparlimen. Adalah menjadi amalan Parlimen untuk merunding dan membincang isu-isu kebangsaan dengan pihak Pembangkang. Kita mempunyai seorang Ketua Pembangkang di Dewan ini adalah mustahak bagi Kerajaan untuk membincang isu-isu dan hal-hal negara dengannya selaras dengan sifat-sifat demokrasi berparlimen. Sungguh malangnya ini tidak berlaku di negara ini.

Kerajaan tidak mewujudkan keketuaan dalam fikiran rakyat jelata bahawa Wakil-wakil Rakyat Pembangkang hanya merupakan ahli-ahli kelas kedua sahaja yang tidak menyelesaikan masalah-masalah mereka dan pegawai-pegawai Kerajaan jarang sekali melayani sebarang permintaan dari Ahli-ahli Parlimen Pembangkang. Pegawai-pegawai Kerajaan hendaklah hentikan campurtangan dalam politik dan perkhidmatan awam hendaklah tidak campurtangan dalam politik. Pegawai-pegawai Kerajaan harus berhenti dari meminta orang-orang awam membuat representation melalui Ahli-ahli Parlimen Kerajaan sahaja. Ini adalah mustahil kerana mereka yang berada dalam perkhidmatan awam harus menempuh kepada aduan-aduan dan permintaan-permintaan yang dibuat dan bukan kepada parti yang individu itu menjadi anggota.

Janganlah kita bohong kepada seluruh negara dan menunjukkan kepada seluruh dunia yang kita telah menerima semangat dan amalan demokrasi berparlimen sedangkan kita telah mengabaikan ciri-ciri demokrasi. Biarlah kita bertanya satu soalan siapakah yang bersifat perkauman UMNO, MCA, MIC atau lain-lain parti? Emosi-emosi perkauman yang penuh dengan racun-racun disebabkan oleh Barisan Nasional dan bukan

oleh pihak Pembangkang. Bisa ular-ular kapak itu adalah dalam kem Barisan Nasional sendiri dan bukan di lain tempat. Setiap tiga parti perkauman utama dalam Barisan Nasional kerap kali menyala dan mengipas politik perkauman tetapi ini tidak dianggap perkauman dan offensive, tetapi apabila pihak Pembangkang menggesa supaya satu dasar yang adil dan saksama dilaksanakan terhadap semua masyarakat, itu dituduh sebagai perkauman. Apalah pihak Barisan Nasional sanggup membuat ketiga-tiga parti perkauman tersebut supaya dapat memberi gambaran yang ia bukanlah sebuah parti perkauman. Sekarang siapakah yang menjadi hypocrite? Hypocrisy adalah dalam Barisan Nasional, bukan parti-parti lain sebab Barisan Nasional bergantung semata-mata atas sentimen-sentimen perkauman dan dengan menafikan rakyat, keadilan, ekonomi dan sosial. Parti DAP adalah sebuah parti bukan perkauman berasas kepada konsep "satu negara satu bangsa".

Malaysia mempunyai kadar pengangguran sebanyak lebih dari 7% tetapi sebaliknya kita tidak benarkan para majikan menjemput buruh pendatang haram. Meskipun lebih dari 315,000 rakyat kita menganggur, para majikan telah mengupah lebih kurang 100,00 pendatang-pendatang haram Indonesia untuk bekerja dalam perusahaan ladang-ladang. Pihak majikan dengan sengaja memesong (mislead) orang ramai dengan menentukan bahawa terdapat kekurangan pekerja-pekerja di perusahaan ladang-ladang. Ini adalah nonsense semata-mata.

Menurut satu kajian yang dijalankan oleh Kesatuan Sekerja ladang-ladang pada tahun lalu adalah didapati bahawa dari 216 ladang-ladang yang dikaji hanya 11 sahaja yang mengalami kekurangan pekerja-pekerja. Kekurangan ini didapati di antara 15% hingga 20%. Lebih dari 214 ladang-ladang tidak mengalami apa-apa kekurangan pekerja dan sebanyak 41 buah ladang-ladang mempunyai pekerja-pekerja lebihan. Kekurangan pekerja-pekerja di perusahaan ladang diakibatkan oleh penghijrahan pemuda-pemuda dari luar bandar ke bandar. Pemuda-pemudi kita terpaksa mencari kerja di bandar kerana gaji yang ditawarkan adalah

lebih competitive. Selanjutnya keadaan hidup dan kerja di dalam ladang-ladang masih tidak berubah sejak zaman penjajah. Nasib pekerja-pekerja ladang tidak mengalami perubahan sejak masa penjajah dan pihak pengurusan ladang-ladang masih mentadbirkan ladang-ladang under the colonial cell. Taraf pekerja ladang hendaklah ditinggikan dengan serta-merta dan mereka hendaklah diberi a stake dalam perusahaan tersebut. Inilah sahaja caranya untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja-pekerja di bidang ladang-ladang.

Kami tidak dapat faham bagaimana lebih kurang 100,000 orang pendatang haram Indonesia dapat memasuki negara ini untuk bekerja di ladang-ladang. Macam manakah mereka dapat masuk ke dalam negara? Sudah pasti mereka tidak masuk ke dalam negara ini dengan menggunakan payung terjun. Adalah jelas pendatang-pendatang haram Indonesia ini seramai lebih kurang 100,000 orang telah memasuki negara ini dengan persetujuan sulit pihak berkuasa. Kerajaan tidaklah boleh menafikan yang ia tidak tahu tentang kehadiran begitu ramai pendatang-pendatang haram Indonesia di negara ini. Kehadiran pendatang-pendatang haram Indonesia di Semenanjung Malaysia dan Sabah merupakan ancaman bukan sahaja terhadap mata pencarian dan peluang pekerjaan rakyat kita tetapi juga boleh dan akan mengakibatkan masalah keselamatan dengan kesan yang buruk kepada negara. Apa yang menimbulkan rasa marah rakyat kita ialah rakyat Malaysia yang berkahwin/bernikah orang-orang asing dikenakan berbagai-bagai sekatan dan menghadapi kesukaran untuk membawa isteri-isteri mereka ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah sampai. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, Betong dan Kinta, saya akan memberi keutamaan bila membahaskan Rancangan Malaysia Keempat kerana tak ada peluang dalam perbahasan ini.

Dewan dtempohkan selama 20 minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 4.40 petang.

Persidangan disambung semua pada pukul 5.03 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang sampai gilirannya Yang Berhormat Menteri-menteri akan memberi jawapannya. Dalam pada itu saya dimaklumkan bahawa Kementerian-kementerian ini tidak akan memberikan jawapan kerana tidak ada perkara yang berbangkit di dalam perbahasan, iaitu Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan juga Kementerian Perusahaan Awam. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am untuk menyampaikan jawapannya.

5.04 ptg.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Setapak dan juga Ahli Yang Berhormat dari Semerah yang telah membangkitkan satu dua perkara yang menyentuh Kementerian saya semasa membahaskan Titah Ucapan Diraja.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak mencadangkan supaya Kerajaan menempatkan masalah dadah kepada sebuah Kementerian yang tertentu dan tidak sebagaimana yang dijalankan pada waktu ini.

Sukacita saya menerangkan bahawa masalah dadah tidak boleh diatasi oleh sesebuah agensi sahaja kerana ia memerlukan berbagai tindakan dari segi pencegahan dan pemulihan. Oleh itu, masalah ini hanya boleh diatasi dengan penglibatan dan kerjasama dari agensi-agensi yang mempunyai keupayaan dan kepakaran dalam melaksanakan tindakan pencegahan dan pemulihan untuk mengatasi masalah penagih-penagih dadah.

Tanggungjawab pencegahan adalah diletakkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kerana ia boleh menjalankan kerja-kerja pencegahan termasuk mengawal kemasukan dadah ke negeri ini dengan lebih berkesan lagi.

Dalam lapangan pemulihan pula, adalah perlu diterangkan bahawa rancangan-rancangan yang berlainan perlu diwujudkan mengikut keadaan dan jenis penagih-penagih dadah. Penagih-penagih dadah yang juga penjenayah-penjenayah adalah lebih sesuai diletakkan di bawah sistem pemulihan yang dijalankan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang boleh mengawasi dan memulihkan penjenayah-penjenayah itu. Rancangan pemulihan yang dijalankan oleh Kementerian Kebajikan Am adalah sesuai untuk penagih-penagih yang bukan penjenayah yang memerlukan latihan rohani dan jasmani dan juga latihan vokesyenal untuk mengubah sikap dan haluan hidup penagih-penagih itu kepada yang lebih berfaedah dan lebih elok lagi.

Mengenai masalah PEMADAM yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, sukacita saya menerangkan bahawa Kementerian saya telahpun memberikan kerjasama kepada PEMADAM sama ada dari segi bantuan pegawai atau yang lain-lain lagi. Sekiranya difikirkan PEMADAM lebih sesuai ditempatkan di bawah Kementerian saya, pihak Kementerian sedia menerimanya dan dengan ini akan wujud kerjasama yang lebih rapat lagi dari segi mengatasi masalah pemulihan penagih-penagih dadah itu.

Ahli Yang Berhormat dari Semerah ingin tahu sama ada Kerajaan sedar tentang adanya pihak-pihak yang mengambil kesempatan mengeksploitasi orang-orang buta. Beliau telah menyatakan bahawa ada peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab memperlakukan orang-orang buta untuk menjual barang-barang stok simpanan lama yang tidak laku dan orang ramai telah membeli kerana kasihan kepada orang-orang buta itu.

Saya suka memaklumkan bahawa Kementerian saya tidak dapat menafikan tentang adanya perbuatan seperti itu berlaku, bukan sahaja oleh peniaga-peniaga malah ada pihak-pihak lain yang menggunakan golongan yang kurang bernasib baik ini untuk kepentingan mereka. Perbuatan seperti ini sangat dikesalkan. Walau bagaimanapun ia tidak dapat diatasi semata-mata dengan tindakan undang-undang tetapi ianya memerlukan kerjasama dari orang ramai dan

juga dari masyarakat. Pengguna-pengguna janganlah membeli atas alasan belas kasihan terutama sekali daripada orang-orang buta sekiranya mereka mengsyaki orang-orang buta itu telah diperalatkan.

Saya suka menegaskan di sini bahawa apa yang diperlukan oleh orang-orang buta bukanlah belas kasihan tetapi perasaan timbang rasa dan pertolongan yang boleh mendorong mereka hidup berdikari. Oleh itu, saya bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya firma-firma seperti PERNAS dan lain-lain lagi memberi peluang kepada orang-orang buta untuk mengedarkan barang-barang mereka menerusi Persatuan Orang-orang Buta.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri, atau Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

5.09 ptg

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, dalam masa perbahasan Titah Ucapan Diraja bagi tahun 1981 ada beberapa perkara berhubung dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah ditimbulkan. Saya mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di atas perhatian dan teguran mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Ahli Yang Berhormat dari Parit mencadangkan agar Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan lebih banyak program-program kebudayaan, belia dan sukan bagi mewujudkan perpaduan di kalangan belia. Mereka juga mencadangkan usaha-usaha haruslah dilaksanakan untuk mengisi masa lapang belia-belia supaya menghindarkan mereka dari masalah dadah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telahpun mengadakan berbagai aktiviti bagi tujuan menyatu-padu belia-belia berbilang kaum seperti kursus pembangunan sosial, kemah-kerja, sukan, pestaria dan lawatan sambil

belajar. Rancangan khidmat belia yang terdiri dari belia berbilang kaum yang juga diwujudkan untuk menggalakkan penyertaan belia-belia dalam kegiatan kebajikan dan kemasyarakatan, satu langkah lagi yang telah diambil untuk mencapai perpaduan belia ialah melalui rancangan menggalakkan belia-belia kampung baru menyertai persatuan-persatuan belia.

Penyalahgunaan dadah telah menjadi satu perkara yang besar merebak di kalangan belia-belia di negara ini. Sesungguhnya ia merupakan masalah sosial kerana ia melemahkan belia-belia kita dan mengakibatkan mereka melakukan penjenayahan. Kursus pendidikan pencegahan dadah yang dianjurkan oleh Kementerian saya, adalah sebahagian dari keseluruhan Kempen Pencegahan Dadah. Ia ditujukan khas kepada belia-belia lepasan sekolah yang merupakan golongan yang besar kemungkinan menjadi penagih dadah. Pertubuhan-pertubuhan belia dengan adanya aktiviti-aktiviti yang sihat merupakan penggantian yang sesuai bagi belia-belia mengisi masa lapang mereka.

Yang Berhormat dari Bandar Sibul telah menyentuh tentang ahli-ahli sukan dari Sarawak terpaksa menanggung perbelanjaan tambang kapal terbang, yang banyak untuk menyertai pertandingan kebangsaan di Semenanjung, suka saya menerangkan bahawa jika seseorang pemain ingin mengambil bahagian dalam sesuatu pertandingan secara persendirian yang dianjurkan oleh badan atau persatuan sukan, peserta itu hendaklah menanggung segala perbelanjaan dengan sendirinya, tetapi jika seseorang itu dipilih sebagai ahli dalam pasukan kebangsaan, segala perbelanjaan mahupun dalam peringkat latihan sehingga pertandingan akan ditanggung dengan sepenuhnya oleh pihak berkenaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan.

5.15 ptg.

Timbalan Menteri penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih

kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap berkaitan dengan Kementerian Penerangan walaupun tidaklah begitu banyak perkara yang dibangkitkan. Walau bagaimanapun Kementerian ini tidak akan merasa puas hati kerana kurangnya perkara yang dibangkitkan atau teguran yang ditujukan kepada Kementerian ini. Sebaliknya Kementerian ini akan terus memperbaiki dan meningkatkan lagi khidmat-khidmat yang diberikan kepada orang ramai. Tanggungjawab Kementerian Penerangan untuk melaksanakan dasar-dasar dan matlamat-matlamat sepertimana yang ditetapkan akan terus dijunjung tinggi dengan penuh dedikasi.

Kementerian Penerangan sentiasa mengalu-alukan teguran yang membina baik dari orang ramai atau khasnya dari Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membantu Kementerian ini membaiki dan meningkatkan lagi khidmatnya bagi faedah rakyat dan negara. Berhubung dengan cadangan oleh Yang Berhormat dari Kangar supaya Kementerian Penerangan memainkan peranan di luar bandar mengenai Amanah Saham Nasional dan kempen-kempen dan rancangan-ancangan seperti dailog-dailog di TV dan penerbitan-penerbitan filem diadakan dari semasa ke semasa, saya ingin menjelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kempen publisiti mengenai Pindah Hak Milik Saham Kerajaan kepada Bumiputra adalah diselaraskan oleh Jabatan Perdana Menteri. Kementerian Penerangan dan Jabatan-jabatan di bawahnya adalah di antara agensi-agensi Kerajaan untuk membantu dalam kempen tersebut. Kementerian Penerangan dan Jabatan-jabatan di bawahnya telah menjalankan berbagai-bagai rancangan mengenai Skim Amanah Saham Nasional, antaranya adalah:

- (i) RTM telah menyiarkan siaran secara langsung ucapan pengumuman Rancangan Pindah Hak Milik Kerajaan kepada Bumiputra oleh Y.A.B. Perdana Menteri, Dato Hussien Onn pada 8hb Januari, 1981.
- (ii) RTM juga telah membuat Ulasar Berita berkenaan ucapan Y.A.B. Perdana Menteri pada 11hb Januari, 1981.

- (iii) RTM juga telah menyiarkan 2 rancangan Forum berhubung dengan Amanah Saham Nasional iaitu pada 14hb Januari, 1981 dengan Y.A.B. Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Y.B.M. Tengku Razaleigh Hamzah pada 28hb Januari, 1981.

Mulai dari 8hb Januari, 1981 yang lalu RTM telah kerap kali membuat pengumuman untuk mendapatkan penyertaan kaum Bumiputra dalam Skim Amanah Saham Nasional melalui TV dan Radio. Pengumuman ini akan ditambah lagi dari satu masa ke satu masa.

Di samping itu pula, Jabatan Penerangan telah mengadakan beberapa Majlis Taklimat untuk pegawai-pegawainya termasuk juga pegawai-pegawai RTM di seluruh negeri. Jabatan ini telah menganjurkan kursus khas pelabur kepada pemimpin-pemimpin masyarakat di peringkat negeri di Semenanjung Malaysia sementara di Sabah dan Sarawak akan dianjurkan dalam bulan ini. Juga pada masa ini Jabatan ini sedang menganjurkan Majlis Ceramah di peringkat Kampung dan Mukim di mana Pegawai Pemasaran Amanah Saham Nasional turut berceramah berkenaan dengan dasar Pindah Hak Milik Saham Kerajaan kepada Bumiputra. Jabatan Penerangan tidak menambahkan kakitangan khas untuk kempen Amanah Saham Nasional oleh kerana tugas sebenarnya berhubung dengan kempen ini adalah dipikul oleh Amanah Saham Nasional Berhad sendiri. Apa yang dibuat oleh Jabatan Penerangan adalah untuk memberi kerjasama sepenuhnya kepada Amanah Saham Nasional Berhad iaitu dengan menganjurkan kumpulan-kumpulan bagi mendengar penerangan daripada pegawai-pegawai Amanah Saham Nasional Berhad serta mengadakan kursus-kursus pengkhususan dengan tujuan meninggikan kecekapan pegawai-pegawai Jabatan Penerangan sendiri untuk membolehkan mereka memberikan penerangan yang lebih tepat dan mendalam mengenai Skim Amanah Saham Nasional.

Berhubung dengan teguran dari Ahli Yang Berhormat dari Tumpat mengenai perkara yang sama, ingin juga saya menjelaskan

bahawa Skim Amanah Saham Nasional telah diterima oleh semua golongan termasuk orang-orang bukan Bumiputra kerana mereka memahami tujuan Skim ini sejajar dengan kehendak dan matlamat Dasar Ekonomi Baru dan ini adalah hasil dari kempen publisiti yang dijalankan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun ada golongan-golongan tertentu yang cuba mengelirukan Bumiputra dengan menonjolkan soal halal dan haram, sementara terhadap bukan Bumiputra pula, kononnya saham ini diberi percuma kepada Bumiputra. Golongan-golongan ini memang sentiasa tidak puas hati dan selalu suka memutarbelitkan kenyataan. Dengan adanya publisiti yang sedang dijalankan sekarang, rakyat tidak akan mudah dikelirukan.

Berhubung dengan syor yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar mengenai rancangan Sinar Islam, Kementerian ini berpendapat bahawa masa siaran Sinar Islam yang diadakan pada hari khamis malam Jumaat kira-kira jam 9.17 malam adalah satu masa yang sesuai dan Kementerian ini tidak bercadang untuk mengubah masa siaran tersebut. Dalam operasi dua rangkaian, yang dikeluarkan dewasa ini Kementerian ini merasa sukar untuk memenuhi syor Yang Berhormat tersebut untuk mengelak dua rancangan yang berlainan bertembung masa siarannya. Oleh yang demikian walau bagaimanapun masa siaran sesuatu rancangan itu diubah ke satu masa yang lain tidak dapat tidak ia akan bertembung juga dengan suatu rancangan yang lain dan akan menimbulkan sungutan dari peminat-peminatnya. Kementerian Penerangan sedar masa siaran Sinar Islam sekarang ini bertembung dengan masa siaran filem Tamil/Hindi akan tetapi dari maklumbalas yang diperolehi bahawa penonton-penonton bagi rancangan Sinar Islam masih ramai bilangannya. Dari Laporan "Survey Research Malaysia Media Index" yang terbaru meliputi 28hb September, 1980 hingga 1hb November, 1980 adalah ditaksirkan bahawa jumlah penonton bagi filem Tamil/Hindi adalah 1.05 juta orang yang terdiri dari 383,000 penonton Melayu, 236,000 penonton Cina dan 451,000 penonton-penonton lain. di samping itu jumlah penonton bagi rancangan Sinar Islam adalah 675,000 orang terdiri dari 566,000

penonton Melayu, 94,000 penonton Cina dan 15,000 lain-lain kaum. Ini adalah satu anggaran perangkaan penonton yang memuaskan. Kementerian Penerangan juga sedar bahawa dari 1.05 juta penonton filem Tamil/Hindi tersebut, lebih dari 50% darinya adalah juga peminat rancangan Sinar Islam. Dari segi penonton terhadap rancangan yang berupa pendidikan dan pengajaran seperti Sinar Islam, ini adalah sewajarnya untuk menarik lebih ramai penonton TV kepada rancangan-rancangan yang bercorak pendidikan/pengajaran daripada rancangan-rancangan penglipurlara seperti filem Tamil/Hindi.

Tuan Yang di-Pertua, mana-mana pandangan, cadangan atau teguran yang membina yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberikan perhatian dan pertimbangan oleh Kementerian Penerangan. Cadangan-cadangan yang dianggap dan difikirkan munasabah dan sesuai untuk dilaksanakan akan diterima. Akhir kata pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran yang ikhlas dan cadangan yang membina saya sekali lagi mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput sekarang Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

5.22 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai beberapa perkara di bawah Portfolio Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dalam perbahasan yang sungguh menarik yang telah berjalan selama enam hari atas Usul Mengucapkan Setinggi-tinggi Terima Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya menghargai pendirian Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyambut baik kenyataan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong betapa pentingnya pencemaran alam dikawal

oleh rakyat jelata yang berdisiplin untuk memelihara dan menyelamatkan alam sekitar. Inilah satu tugas yang diamanahkan kepada rakyat jelata baik juga pihak berkuasa di sektor awam mahupun pihak sektor swasta menyahut seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa industri-industri hendaklah mempunyai perancangan yang baik dari awal lagi untuk mengurangkan pencemaran alam yang tidak diinginkan.

Kementerian saya telah bersiap sedia satu procedure bagi penilaian kesan-kesan alam sekitar (Environmental Impact Assessment Procedure) bagi pertimbangan Jawatankuasa Kabinet mengenai pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum menjawab Ahli-ahli Yang Berhormat di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan, saya mohon izin menyentuh kepada peristiwa yang sungguh dikesali yang telah tercetus di Dewan yang mulia ini pada hari Khamis, 19hb Mac, 1981, akibat yang mana Ahli Dewan Rakyat bagi Kawasan Menglembu berdasarkan kelakuan dan tingkah laku yang tidak sopan-santun, beliau sesungguhnya tidak layak digelar Ahli Yang Berhormat terpaksa digantung daripada menghadiri sidang ini dan dibawa keluar dari Dewan yang mulia ini. Sesungguhnya hari itu merupakan hari yang amat sedih ekoran daripada tingkah laku beliau dan saya berasa tidak ada perkataan-perkataan untuk mengatakan bagaimana beliau telah mencemar sewenang-wenangnya maruah dan kedudukan yang tinggi Dewan yang mulia ini dan menghina bukan sahaja beliau sendiri, tetapi amalan demokrasi berparlimen di negara kita. Sebenarnya apabila saya menyentuh peristiwa itu saya merasa amat sedih oleh kerana pada hari itu saya ialah seorang Menteri sahaja yang terdapat di tempat duduk barisan hadapan dan atas arahan Yang di-Pertua saya menunaikan kewajipan saya iaitu satu kewajipan yang amat sedih dan membentangkan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 44 (3) yang mencadangkan Ahli dari Menglembu digantung menghadiri Dewan ini selama sesi Dewan Rakyat ini berjalan sehingga 10hb April, 1981 supaya decorum Dewan yang mulia ini dikekalkan dan untuk membolehkan sidang ini diteruskan.

Berikut dari peristiwa itu Ahli dari Menglembu nampaknya telah ditemuramah oleh pemberita-pemberita di luar Dewan ini dan apabila ditemuduga dan seperti disiarkan dalam harian "The Star" keluaran 20-3-81 telah menyalahkan semua pihak melainkan beliau sendiri atas segala yang telah tercetus di Dewan yang mulia ini. Dalam laporan berita yang sama itu beliau telah melemparkan tuduhan-tuduhan yang liar atas diri saya yang tidak berasas sama sekali, pendek kata tuduhan-tuduhan itu menyatakan saya ada motif tertentu yang tidak ikhlas apabila saya membawa usul bagi pengantungan beliau.

Sebagai Dewan yang mulia ini cukup sedar, saya hanya menunaikan tugas-tugas yang diwajibkan oleh Peraturan Mesyuarat. Ahli dari Menglembu dilaporkan mengatakan saya mesti ada motif tertentu, membalas budi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, kononnya Ahli dari Kota Melaka telah berpakat memberikan jasa baik kepada saya apabila menghadiri Persidangan Kesatuan Antara Parlimen-parlimen (Inter-Parliamentary Union) atau IPU yang telah berlangsung di Berlin Timor dalam bulan September, 1980 dengan tidak menyentuh tahanan dua orang Ahli Dewan Rakyat Parti Tindakan Rakyat (DAP) walaupun satu kertas kerja telah dibentangkan untuk pertimbangan atas tajuk "Hak-hak Manusia".

Saya menyatakan dengan terus-terang dalam Dewan yang mulia ini tidak ada asas sama sekali bagi tuduhan ini yang bermaksud terdapat satu "Berlin Connection". Apa yang berlaku ialah satu laporan telah dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa IPU mengenai pencabulan Hak-hak Manusia, tetapi laporan ini diterima sebulat suara tanpa perbahasan. Dengan hal yang demikian tidak terdapat peluang untuk membangkitkan perkara seperti dimaksudkan, tambahan pula yang penting dan harus ditegaskan ialah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga lain ahli-ahli rombongan Malaysia telah menghadiri Persidangan tersebut sebagai dalam sifatnya bukan sebagai seorang ahli Parti Tindakan Rakyat (DAP) atau parti-parti lain, tetapi sebagai wakil-wakil Persatuan Cawangan Malaysia IPU.

Memandangkan ini memang kelakuan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka patut dipuji. Apa yang menarik perhatian dalam perkara ini ialah bagaimana pula sekiranya Ahli dari Menglembu jadi seorang ahli menyertai delegasi Malaysia ke persidangan-persidangan antarabangsa mengenai hal ehwal Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab teguran-teguran yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Matang, saya ingin menjelaskan bahawa masalah pencemaran sungai-sungai sememangnya telah diberi perhatian yang serius oleh Kementerian saya dan beberapa langkah sedang dan akan dilaksanakan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut serta melindungi kualiti air sungai untuk berbagai kegunaan yang berfaedah.

Beberapa peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 telah dilaksanakan, khususnya:

- (1) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) Minyak Kelapa Sawit Mentah, 1977 yang mula berkuatkuasa pada 1hb Julai, 1978;
- (2) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) Getah Asli Mentah, 1978 yang mula berkuatkuasa pada 1hb April, 1979; dan
- (3) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Perindustrian), 1979 yang mula berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1979

Peraturan-peraturan ini ditujukan untuk mengawal bahan-bahan pencemaran daripada industri-industri yang utama dengan mengurangkan pelepasan-pelepasan dengan secara berperingkat-peringkat. Oleh kerana ianya baru sahaja dikuatkuasakan maka kekesanannya dari segi kawalan kecemaran akan mengambil masa. Tambahan pula masalah-masalah ini telah lama wujud.

Dalam pada itu, Kementerian saya juga mengendalikan sistem pengawasan dari semasa kesemasa untuk menentukan pencapaian objektif-objektif dan kualiti yang

ditetapkan. Dalam usaha untuk menggiatkan kegiatan-kegiatan kawalan pencemaran di peringkat negeri dan daerah, Kementerian saya telahpun menubuhkan 5 Pejabat Wilayah iaitu:

- (1) Kuantan untuk mengawasi negeri-negeri Pahang, Kelantan dan Trengganu;
- (2) Johor Bahru untuk mengawasi kawasan Johor;
- (3) Kuala Lumpur untuk mengawasi kawasan Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka;
- (4) Kota Kinabalu, Sabah untuk mengawasi seluruh kawasan Sabah; dan
- (5) Kuching untuk mengawasi seluruh kawasan Sarawak;

dan sebuah lagi Pejabat Wilayah akan ditubuhkan di Pulau Pinang untuk mengawasi negeri-negeri Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Perak.

Usaha-usaha sedang dijalankan untuk menubuhkan lagi pejabat-pejabat tersebut dengan menambahkan kemahiran pegawai-pegawai di peringkat-peringkat negeri. Selain daripada itu, di dalam usaha untuk menambahkan kekesan kegiatan-kegiatan kawalan di peringkat daerah, Kementerian saya melalui Pejabat-pejabat Wilayah yang telah ditubuhkan itu akan mengadakan kerjasama yang lebih erat dengan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan supaya mendapat bantuan mereka di dalam mengawasi punca-punca pencemaran di peringkat-peringkat daerah.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul telah membangkitkan satu isu yang penting berhubung dengan kesedaran orang ramai mengenai perlindungan alam sekitar. Kementerian saya memang menyedari di atas perkara ini dan dengan adanya berbagai program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian saya, usaha kini sedang ditumpukan untuk mempergiatkan lagi kegiatan-kegiatan dalam pendidikan untuk memupuk kefahaman orang ramai mengenai kepentingan melindungi dan memelihara alam sekitar.

Untuk tujuan ini Kementerian saya telah melancarkan Hari Alam Sekitar Sedunia setiap tahun dan mengeluarkan penerbitan-penerbitan mengenai isu-isu alam sekitar untuk pembacaan orang ramai. Selaras dengan keperluan untuk meluaskan usaha-usaha didikan ini, Kementerian saya telah mengadakan Perutusan Khas kepada sekolah-sekolah di seluruh Malaysia bersempena dengan Hari Alam Sekitar Sedunia.

Mengenai cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat untuk memperkenalkan didikan secara formal mengenai matapelajaran Alam Sekitar di peringkat sekolah-sekolah, saya ingin memaklumkan bahawa kerjasama dalam hubungan ini sedang dilakukan dengan Kementerian Pelajaran di mana wakil-wakil daripada Bahagian Alam Sekitar telah menduduki beberapa Jawatankuasa yang mengkaji sukatan pelajaran. Usaha-usaha seperti ini dijangka akan bertambah giat lagi kerana mulai pada tahun ini Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya akan menubuhkan satu Unit Khas mengenai Pendidikan dan Penerangan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani, saya ingin menyatakan bahawa masalah di kawasan Tikam Batu memang telah diberi perhatian oleh Kementerian saya. Adalah diharapkan dengan terlaksananya beberapa peraturan yang saya sebutkan pada awal tadi dan termasuk juga Peraturan-peraturan Udara Bersih, masalah yang dihadapi itu akan dapat dikurangkan walaupun tidak diatasi sepenuhnya. Kilang-kilang yang berkenaan adalah dikehendaki memasang alat-alat pencegah pencemaran untuk mengurangkan masalah pencemaran secara progresif.

Cadangan Ahli Yang Berhormat untuk Kementerian saya menempatkan pegawai-pegawai di peringkat-peringkat negeri akan saya pertimbangkan pada masa-masa akan datang memandangkan pada masa ini Kementerian saya baru sahaja menubuhkan pejabat-pejabat di peringkat Wilayah.

Akhirnya, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Semerah atas teguran beliau yang sedang

mendapat perhatian Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

5.40 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang menyentuh beberapa perkara berhubung dengan peranan pembangunan agensi-agensi di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dalam masa membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pandangan serta buah fikiran dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu sudah tentu menambahkan lagi scope pengetahuan pegawai-pegawai di Kementerian ini berhubung dengan masalah-masalah rakyat di seluruh negara. Saya katakan begitu kerana wakil-wakil rakyat adalah sentiasa berada di kalangan rakyat sendiri dan mengetahui kehendak mereka yang sebenarnya dan memandang satu isu itu dalam konteks yang luas manakala pegawai-pegawai profesional kadang-kadangnya memandang satu-satu masalah itu hanya dari sudut profesionalnya sahaja. Saya suka memberi jaminan bahawa pihak Kementerian ini dengan agensi-agensi di bawahnya akan meneliti segala isu yang ditimbulkan.

Perbincangan banyak ditumpukan kepada masalah tanah-tanah terbiar-selain dari sawah-untuk dimajukan di bawah konsep "INSITU"; dan juga pemulihan tanah-tanah pinggir yang terbiar. Tanah-tanah terbiar selain dari sawah adalah dikatakan lebih kurang 2.2 juta ekar.

Selaras dengan arahan Kabinet baru-baru ini iaitu agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dengan pengeluaran getah dan kelapa sawit supaya berusaha menambah pengeluaran getah, agar Malaysia terus menjadi pengeluar getah utama di pasaran dunia dan tidak pula melupakan soal kelapa sawit. Dengan itu Kementerian Kemajuan

Tanah dan Kemajuan Wilayah sedang mengatur satu strategi baru untuk memenuhi arahan Kabinet itu. Oleh kerana kedudukan tanah kita semakin kurang maka adalah menjadi hasrat Kementerian ini untuk menggunakan dan memulihkan sebarang tanah yang ada untuk mencapai matlamat ini.

Misalnya tanah pinggir - seperti yang disebutkan dalam Dewan - ada lebihkurang 600,000 ekar yang mula ditanam getah tetapi oleh sebab-sebab yang tertentu tanah ini terbengkalai atau terbiar. Peserta-peserta tidak mampu membayar balik hutang mereka dan dengan itu mereka pula tidak sanggup memasuki scheme "MINI ESTET RISDA" kerana takut berhutang banyak lagi.

Saya sedang berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengatasi "hutang peserta-peserta" ini agar peserta-peserta ini dapat memasuki program tanam semula RISDA.

Ada setengah-setengah Kerajaan Negeri sudah pun bersetuju untuk menyelesaikan masalah peserta-peserta hutang ini dan kumpulan ini boleh memasuki program tanaman semula RISDA. Hutang mereka lebihkurang seekar \$1,500.00.

Di bawah program tanah pinggir dan tanah terkawal ada lebihkurang 300,000 ekar tanah telah diusahakan tetapi tidak ada hakmilik dan dengan sendirinya tidak boleh mendapat bantuan tanam semula. Dengan itu RISDA mengadakan peruntukan "Skim Premium Tanah" dan dengan pembayaran premium itu maka mereka dengan sendirinya dapat memasuki program Mini Estet. Perbincangan sedang berjalan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri kerana kuasa tanah ini adalah di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri. Masalah yang besar di kalangan rakyat hari ini ialah pemilihan antara dua tanaman - getah atau kelapa sawit. Oleh kerana kadangkadangkanya harga kelapa sawit ini melambung tinggi maka rakyat hendak memasuki bidang perusahaan kelapa sawit kerana pengeluaran hasilnya cepat; dan apabila harga jatuh-selalunya akibat cabaran pengeluaran kacang soya dari negeri-negeri lain seperti Amerika-maka mereka hendak berbalik pula kepada getah. Oleh kerana tanaman ini adalah tanaman jangka panjang dan bukannya

merupakan "cash crop" maka adalah mustahil tanaman itu dipinda dari satu ke satu masa dengan cepatnya. Dengan itu satu strategi jangka panjang sedang dibuat berasas kepada keperluan dan pengeluaran getah dunia dari masa ke masa seperti dalam tahun 1985; 1990 hingga ke tahun 2000 untuk kedua-dua jenis tanaman ini dan sentiasa mengambil kira supaya Malaysia terus menjadi pengeluar getah utama.

Oleh kerana agensi-agensi di bawah Kementerian ini iaitu FELDA, FELCRA, RISDA dan RDAS, boleh dikatakan semuanya bertanggungjawab kepada kedua-dua jenis tanaman itu-getah dan kelapa sawit-maka strateginya di masa depan akan dibuat secara "integrated" iaitu antara semua agensi yang saya sebutkan tadi agar pengeluaran kedua-dua jenis tanaman ini bukan sahaja merupakan sumber penting bagi mendapatkan matawang luar negeri, tetapi juga mengambil kira iaitu Malaysia adalah pengeluar getah utama di dunia dan kedudukan ini hendaklah sentiasa dikekalkan dan dipertahankan. Begitu juga dengan kampung-kampung Tradisional selain daripada sawah yang sudah menjadi terbiar. Kementerian ini sedang mengkaji semula peranan FELCRA supaya program "INSITU"nya menitik beratkan kepada pemulihan tanah-tanah terbiar di seluruh negara. Saya telah pun mengarahkan supaya satu rancangan yang comprehensive disediakan supaya Program "INSITU FELCRA" mencapai dua matlamat atau berkembar 2;

- (1) Program "INSITU FELCRA" hendaklah menumpukan kepada pemulihan kampung-kampung tradisional yang merupakan sebahagian besar daripada jumlah tanah terbiar (under-utilised land). Program ini adalah diharapkan dalam masa yang tertentu kita dapat mengatasi atau mengurangkan jumlah tanah yang terbiar atau under-utilised ini.

Program ini dijalankan secara intergrated dengan agensi-agensi bukan sahaja di bawah Kementerian ini tetapi juga di luar Kementerian termasuklah kerjasama dengan

Kementerian Pertanian, LPP, FAMA, Pertanian, Bank Pertanian, MARDI dan sebagainya.

- (2) Pembukaan tanah-tanah baru atau belukar yang sizenya kecil yang diberi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri iaitu (seluas 1,000 ekar atau 500 ekar yang terlalu kecil untuk dijadikan rancangan FELDA) hendaklah dijadikan perhetongan untuk menambah (top up) mata pencarian orang-orang kampung itu dari segi jangka panjangnya.

Saya sendiri memberikan "priority" kepada usaha pemulihan kampung-kampung tradisional ini lebih-lebih lagi sekarang ini sudah ada tanda-tanda yang menunjukkan Wujudnya "disparity" atau perbezaan cara hidup di kalangan penduduk-penduduk di luar bandar iaitu dengan kejayaan cemerlang dicapai oleh FELDA, Peserta-peserta FELDA, sungguhpun masih kedengaran teriakan untuk mendapatkan bantuan-bantuan sosial, tetapi kita tidak dapat menafikan bahawa FELDA adalah simbol kejayaan program pembangunan luar bandar Kerajaan kita. Tidak kurang dari 65,000 keluarga yang sudah atau sedang menukar corak hidup mereka dalam FELDA. Kejayaan FELDA dapat memenuhi cita-cita dan matlamat Kerajaan dalam program yang serius dijalankan untuk pemulihan kampung-kampung tradisional supaya wujud kemajuan yang stabil dengan FELDA atau dekat-dekat dengan FELDA iaitu kampung-kampung dekat dengan FELDA. Ini perlu diambil serius bukan sahaja untuk menjayakan tanah-tanah terbiar, tetapi juga hendak mengelakkan wujudnya penghidupan yang berpelang-pelang di kalangan penduduk-penduduk luar bandar iaitu antara penduduk FELDA dengan penduduk-penduduk di kampung-kampung tradisional.

Pihak Pembangkang menimbulkan sikap Lembaga Kemajuan Bintulu. DAP kononnya membantah langkah Lembaga itu memperuntukkan "Equity 50%" kepada Bumiputra dari mana-mana Pengusaha Tanah yang hendak memecah sempadan tanah itu.

Jika tanah yang akan dimajukan oleh mana-mana syarikat tanah kepunyaan Lembaga

Kemajuan Bintulu maka adalah wajar bagi Lembaga tersebut meletakkan syarat-syarat yang sesuai.

Tiap-tiap syarat yang diletakkan itu ialah untuk kepentingan negara seluruhnya. Adalah tidak patut sebarang usaha oleh pihak yang berkuasa yang cuba hendak menolong kaum Bumiputra dipersoalkan sangat. Kita semua tahu langkah-langkah untuk menolong kedudukan ekonomi Bumiputra adalah satu isu nasional atau soal nasional dan tidak patut dibangkit-bangkit dengan tidak mengambil kira kedudukan Bumiputra seluruhnya. Saya yakin apa juga syarat yang dikenakan oleh Lembaga tersebut adalah berasaskan kepada kepentingan Negeri Sarawak khasnya dan Malaysia seluruhnya.

Mengenai pembayaran pampasan Tanah Rezab Melayu yang digunakan oleh Kerajaan untuk projek-projek jalan raya dan sebagainya maka sukalah saya menyatakan bahawa pembayaran pampasan seperti itu dibuat mengikut nilai pasaran. Pemungut Hasil Tanah biasanya berdasarkan kepada nilai yang diberi oleh Jabatan Nilai. Walau bagaimanapun, Kerajaan sekarang bercadang hendak memasukkan satu proviso ke dalam Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 supaya nilai ke atas tanah-tanah Rezab Melayu dilakukan tanpa mengambil kira adanya sekatan-sekatan ke atas hakmilik. Mengenai penglibatan pemilik-pemilik tanah yang kecil dalam proses pengambilan balik tanah untuk projek-projek Kerajaan, pihak berkuasa sentiasa memberi perhatian kepada tanah-tanah lot kecil yang terlibat yang diambil itu.

Satu lagi perkara yang ditimbulkan ialah dakwah dalam FELDA. Mengenai Dakwah Dalam FELDA maka saya telah mengeluarkan satu arahan awal tahun ini supaya semua guru agama ataupun pegawai-pegawai agama dalam FELDA ataupun dalam rancangan-rancangan berkelompok di bawah Kementerian ini supaya mendaftarkan semula mengambil bahagian dakwah ini dengan didaftarkan di Pejabat-pejabat Agama Negeri. Mereka ini hendaklah mendapat tauliah dari Majlis Ugama tiap-tiap negeri dan proses ini sedang dijalankan dengan Majlis Ugama Negeri dan saya sendiri

telah menulis surat kepada Pejabat Ugama tiap-tiap negeri untuk mendapatkan kerjasama mereka. Tiap-tiap pendawah yang hendak bersyarah dalam rancangan FELDA ataupun dalam rancangan-rancangan tanah berkelompok hendaklah mendapat kebenaran dari pihak berkuasa FELDA di satu-satu tempat dan kebenaran akan hanya diberi jika mereka mempunyai tauliah dari Majlis Ugama di tiap-tiap negeri. Arahan ini bukanlah hendak menyekat gerakan dakwah atau usaha mengembangkan ugama dalam FELDA tetapi sebagai satu langkah hendak mengawal mereka yang menggunakan ugama untuk kepentingan diri. Kerajaan memang menggalakkan dakwah tetapi biarlah kumpulan dakwah yang sebenar-benarnya. Ini dijalankan kerana kita tidak mahu peristiwa Batu Pahat berulang lagi kerana peristiwa itu terlalu pahit bagi kami dan ada peserta-peserta FELDA yang terlibat. Dengan arahan-arahan ini saya sendiri mengharapkan peristiwa seperti yang berlaku di Batu Pahat itu tidaklah berulang lagi untuk masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

5.52 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dalam ucapan mereka yang serba sedikit telah menyentuh aktiviti-aktiviti di bawah bidang kuasa Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang antara lain telah menyentuh mengenai gaji pekerja-pekerja lombong di kawasannya yang mana menurut beliau adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan gaji pekerja-pekerja dalam kumpulan buruh kasar di dalam Perkhidmatan Kerajaan. Ingin saya, Tuan Yang di-Pertua, menjelaskan di sini bahawa bagi pekerja-pekerja di syarikat perlombongan bijih timah yang besar, gajinya dan syarat-syarat perkhidmatan

mereka adalah ditentukan melalui perjanjian bersama yang dipersetujui di antara Kesatuan Pekerja-pekerja Lombong — Semenanjung Malaysia dan Kesatuan Majikan-majikan Lombong (MMEA). Adalah didapati bahawa perjanjian bersama ini juga memperuntukkan, di samping bayaran gaji yang memuaskan, pekerja-pekerja tersebut juga dibayar bonus tiap-tiap tahun, elaun sewa rumah dan kemudahan-kemudahan perubatan dan lain-lain. Perjanjian bersama ini adalah dikaji semula tiap-tiap 3 tahun di mana dalam proses pengkajian semula ini semua faktor-faktor seperti kenaikan kos sara hidup dan lain-lain adalah diambil kira dalam menentukan satu kadar gaji yang baru.

Selain dari itu ingin juga dinyatakan bahawa gaji pekerja-pekerja adalah dibayar mengikut jawatan yang dipegang oleh pekerja-pekerja itu dan pengalaman/kemahiran mereka. Saya tidak menafikan mungkin terdapat di mana pekerja-pekerja buruh kasar di dalam Perkhidmatan Kerajaan adalah memperolehi pendapatan yang lebih jika dibandingkan dengan buruh-buruh am di lombong-lombong, terutama sekali memandangkan bahawa gaji pekerja-pekerja kerajaan telah diberi penyemakan semula pada tahun yang lepas. Keadaan seperti ini mungkin berlaku di kalangan pekerja-pekerja lombong yang kecil yang mana tidak begitu ekonomik untuk diuruskan.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah juga membangkitkan perkara gaji tetap di kalangan pekerja-pekerja kilang pula. Kementerian saya memang sedar bahawa terdapat kilang-kilang yang membayar gaji yang agak rendah jika dibandingkan dengan kilang-kilang yang lain. Ini adalah bergantung kepada beberapa faktor, seperti jenis perindustrian tersebut, sama ada ianya perusahaan kecil atau besar dan juga keupayaan majikan-majikan tersebut untuk membayar gaji yang lebih. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai dari Kementerian saya sentiasa menjalankan pemeriksaan di kilang-kilang dan di tempat-tempat kerja yang lain dan jika didapati bahawa gaji yang dibayar itu adalah tidak berpatutan, mereka akan menasihati serta menggesa majikan berkenaan supaya memperbaikinya. Pada akhirnya terpulangnya kepada budi-bicara majikan untuk

menentukan hal ini. Jika mereka ingin mendapat pekerja-pekerja yang baik daripada pasaran buruh yang sentiasa bersaing, mereka perlulah memberi ganjaran yang berpatutan kepada pekerja-pekerja mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah membangkitkan perkara skim pemilihan rumah-rumah bagi pekerja-pekerja lombong di Sungai Way Tin Mine Berhad yang sekarang ini telah diambil alih oleh satu syarikat yang lain, iaitu Supreme Corporation Berhad. Ahli Yang Berhormat itu telah mendakwa bahawa pekerja-pekerja lombong tersebut tidak diperuntukkan rumah-rumah yang didirikan itu. Skim ini adalah satu daripada skim untuk pekerja-pekerja memiliki rumah-rumah mereka sendiri yang dianjurkan oleh Kerajaan sendiri. Setakat ini projek perumahan tersebut di Sungai Way adalah di peringkat kerja-kerja membina tapak sahaja. Kementerian telah diberitahu oleh majikan tersebut bahawa apabila siap kelak rumah-rumah tersebut juga akan ditawarkan kepada bekas pekerja-pekerja syarikat tersebut dan tidak sepertimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, ingin saya memaklumkan bahawa Kementerian saya adalah sentiasa berhubung rapat dengan majikan-majikan lombong dan ladang mengenai pelancaran skim ini dan kepentingan pekerja-pekerja yang terlibat akan dilindungi sepenuhnya.

Akhirnya saya mengucapkan terima kasih lagi sekali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai Kementerian saya dan jika ada perkara-perkara yang tidak dapat saya mengulas di sini ingin saya maklumkan bahawa semua ulasan itu adalah mendapat perhatian dari pihak Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

5.59 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu suka saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai perkara-perkara di bawah Kementerian ini sepanjang perbincangan atas usul Junjung Kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapan Baginda semasa merasmikan mesyuarat Dewan yang mulia ini ada menyentuh soal tenaga. Baginda bertitah bahawa Kerajaan akan berusaha untuk mengurangkan pergantungan negara ke atas bahan-bahan petroleum dengan menggunakan sumber-sumber tenaga alternative yang sedia ada di negara kita seperti kuasa haidro dan gas asli di samping menggalakan usaha-usaha menjimatkan tenaga.

Tuan Yang di-Pertua, petroleum adalah satu barangan yang mahal dan sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum harganya akan terus meningkat. Namun begitu bahan petroleum akan tetap juga merupakan sumber tenaga yang utama. Ini adalah kerana usaha-usaha untuk mengurangkan pergantungan negara ke atas bahan-bahan tersebut dengan menggunakan sumber-sumber tenaga alternative yang akan mengambil masa.

Ke arah mencapai matlamat untuk mengurangkan pergantungan negara ke atas bahan-bahan petroleum dengan menggunakan sumber-sumber alternative terutama dalam bidang penjanaan elektrik, Kerajaan sedang dan akan melaksanakan beberapa projek janakuasa utama yang akan menggunakan kuasa haidro dan gas asli.

Di antara projek-projek ini ialah projek haidro elektrik Bersia dan Kenering di Perak dan projek haidro elektrik Kenia di Ulu Trengganu. Di Sabah ada terdapat pelaksanaan projek haidro di Tenom-Pangi. Di Sarawak pula projek haidro elektrik Batang Air. Selain daripada Batang Air projek haidro Pelagus akan dapat dilaksanakan apabila segala kajian-kajian kemungkinan yang kini dalam pelaksanaan itu selesai kelak.

Mengenai penggunaan gas asli pula, perancangan yang telah dibuat menunjukkan bahawa gas asli ini akan disalurkan ke pantai Trengganu pada tahun 1984. Walaupun negara ini sedang menghadapi masalah tenaga akibat kenaikan harga bahan-bahan petroleum, ini tidak akan menjejaskan usaha-usaha Kerajaan dalam membekalkan elektrik ke kawasan-kawasan luar bandar di bawah Rancangan Bekalan Elektrik Luar Bandar. Keutamaan yang tinggi akan sentiasa diberi oleh Kerajaan terhadap perkara ini dan untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani dan juga Ahli Yang Berhormat dari Panti yang meminta supaya Kerajaan mengutamakan bekalan elektrik di luar bandar, suka juga saya memberitahu bahawa Kerajaan akan memberi pertimbangan dan peruntukan yang sewajarnya di bawah Rancangan Malaysia Keempat bila rancangan itu dikemukakan kelak.

Bagi daerah Kuala Muda di negeri Kedah yang termasuk juga kawasan Sungai Petani peruntukan sebanyak \$4 juta untuk membiayai 23 projek yang akan memberi menafaat kepada seramai 3,000 keluarga akan diperuntukan di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Dan bagi Daerah Kota Tinggi di negeri Johor termasuk kawasan Panti pula, suka juga saya memaklumkan bahawa peruntukan sebanyak \$54.4 juta akan diperuntukkan untuk membiayai 9 projek yang akan memberi menafaat seramai 2,800 lebih keluarga. Peruntukan ini tidak termasuk dalam peruntukan bagi skim-skim di kawasan KEJORA di mana peruntukannya akan diselaraskan melalui Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Matang yang meminta supaya pandangan dari Wakil-wakil Rakyat diambil kira di dalam pelaksanaan projek-projek di luar bandar, suka saya memberitahu bahawa pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat memang dihargai melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan atau Tindakan Daerah dan Negeri ataupun dari Ahli-ahli Yang Berhormat secara langsung. Pandangan-pandangan ini memang dihargai oleh kita sebagai satu maklumat bahan panduan yang akan membantu Kementerian menetapkan priority projek-projek yang dilulus dan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa mengkaji prestasi serta mutu perkhidmatan semua Jabatan dan agensi di bawah supaya dapat menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan sempurna seperti yang diharapkan oleh orang ramai.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah menyatakan bahawa panggilan telefon di kawasan beliau tidak memuaskan langsung. Dalam hal ini, suka saya menyatakan bahawa kerja-kerja bagi memasang dan menambahkan lagi kebel-kebel termasuk 10 kebel cawangan utama untuk menghubungi Sik dirangkaikan ibu sawat di Sungai Petani sedang dilaksanakan dan dijangka siap tidak berapa lama lagi. Dengan siapnya kerja-kerja ini, saya percaya dan juga yakin panggilan telefon di kawasan Ahli Yang Berhormat itu akan menjadi lebih sempurna dan memuaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul telah meminta supaya sistem sendiri terus dail di antara Sabah dan Sarawak dengan Singapura dikemaskinikan. Di sini suka saya menegaskan bahawa perkhidmatan STD di antara Sabah/Singapura dan Sarawak/Singapura yang kini disalurkan melalui Kuala Lumpur adalah memuaskan. Dan suka saya menegaskan bahawa menjadi hasrat Kementerian saya untuk memperbaiki lagi mutu perkhidmatan telekom unikasi dari masa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah telah menyentuh mengenai kecemasan yang menyedihkan yang berlaku pada petang 19hb Mac, 1981 di mana empat orang kakitangan Jabatan Telekom telah terbunuh di dalam manhole dekat Batu Caves. Suka saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa saya sendiri telah memberi arahan supaya satu penyiasatan yang lengkap dan menyeluruh dijalankan untuk menentukan apa sebenarnya menyebabkan kematian empat orang itu. Tujuan siasatan itu ialah untuk memberi pandangan adakah aturan-aturan (procedure) yang telah dijalankan digunakan di masa kecemasan itu. Dan jika ianya digunakan, adakah sistem ini mencukupi untuk menjaga keselamatan pekerja-pekerja. Jika ia didapati mencukupi, kita akan memberi pertimbangan untuk mengetatkan lagi.

Mengenai syor yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Matang supaya kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos ditambah untuk menguruskan perkara-perkara mengenai Amanah Saham Nasional, suka saya memaklumkan bahawa Kementerian saya dan Jabatan Perkhidmatan Pos telahpun mengambil tindakan dengan sewajarnya bagi menambahkan kakitangan terutama pegawai-pegawai kerani di kaunter-kaunter dengan agensi pusat iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan dan pihak agensi pusat telahpun memberi persetujuan ke atas penambahan kakitangan ini.

Berkenaan dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, yang tidak dijawab oleh saya pada waktu ini, suka saya meyakinkan Dewan yang mulia ini bahawa semua perkara-perkara itu telah diambil ingatan oleh Kementerian dan pertimbangan yang sewajarnya memang mesti diambil.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan.

6.08 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang ini untuk menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian kepada Kementerian Pertahanan dan yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian itu semasa perbahasan di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pertamanya, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kangar yang telah menyentuh beberapa perkara berkenaan dengan Kementerian Pertahanan.

Ahli Yang Berhormat itu telah menyentuh tentang Skim Gaji Angkatan Tentera di mana beliau berharap Kerajaan dapat menyemak Skim Gaji Angkatan Tentera dari masa ke semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan sentiasa menyemak Skim Gaji

Angkatan Tentera dari masa ke semasa dan semakan gaji anggota tentera telah dibuat bersekali apabila semakan gaji pegawai-pegawai awam dilakukan. Semakan gaji yang lepas telah dibuat dan dikuatkuasa pada 1-7-77 manakala semakan gaji yang terbaharu ialah semakan yang dikuatkuasakan pada 1-7-80.

Berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kangar itu lagi, iaitu mengapa elaun Askar Wataniah dikurangkan, di sini suka saya menyatakan bahawa elaun-elaun yang layak dituntut dan diberi kepada Askar Wataniah tidak pernah dikurangkan. Malahan beberapa jenis elaun telahpun dinaikkan dari apa yang pernah dinikmati dahulunya. Kenaikan ini telah diberikan dalam tahun 1977 mengikut Laporan Jawatankuasa Pegawai mengenai Gaji dan syarat-syarat Perkhidmatan Angkatan Tentera. Sebagai misalannya elaun kehadiran (attendance allowance) bagi pegawai-pegawai telah dinaikkan daripada 65 sen sejam kepada \$1.65 sejam. Bagi koperal ke atas daripada 50 sen kepada \$1.35 sejam, dan bagi lance koperal dan prebet elaun ini telah dinaikkan daripada 35 sen kepada 70 sen. Bayaran tahunan (annual bounty) untuk Askar Wataniah dan Simpanan Sukarela TUDM telah juga dinaikkan daripada \$100.00 kepada \$200.00 setahun. Simpanan Sukarela TLDM, sama ada untuk pegawai-pegawai ataupun anggota-anggota lain pangkat, juga mendapat bayaran tahunan yang sama.

Ahli Yang Berhormat tersebut dan juga Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani mahukan agar kelengkapan Angkatan Tentera dikemaskinikan dari semasa ke semasa. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum Angkatan Tentera kita kini sedang dalam proses pembesaran dan penyusunan semula. Langkah-langkah pertahanan sentiasa dikemaskinikan dan dikaji supaya kekuatan Angkatan Tentera kita sejajar dengan keadaan keselamatan di seluruh negara dan di sekitar rantau ini, sama ada dari segi kelengkapan pertahanan ataupun dari segi kekuatan dan latihan anggota. Pada masa ini Angkatan Tentera kita adalah dibekalkan dengan berbagai kelengkapan moden, termasuk senjata-senjata dan alat-alat yang setanding dengan negara-negara maju.

Mengenai persoalan mengapa Rejimen 504 yang telah diwujudkan di Perlis masih kekurangan pegawai dan kakitangan seperti ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga, sebenarnya Rejimen 504 adalah salah satu daripada projek-projek pembesaran Angkatan Tentera Darat. Rejimen ini adalah Rejimen Askar Wataniah yang mana perjawatannya dipenuhi oleh anggota-anggota tetap dan sukarela. Buat masa ini pengisian perjawatan lain-lain pangkat adalah memuaskan. Peratus yang dicapai membolehkan Rejimen ini menjalankan tugas dengan memuaskan. Pengisian perjawatan pegawai-pegawai tetap dijangka akan menjadi stabil menjelang tahun 1982. Ini adalah disebabkan bahawa buat masa ini banyak unit-unit tentera darat sedang ditubuhkan. Oleh hal yang demikian, pembahagian pegawai-pegawai adalah mengikut susunan keutamaan unit. Usaha-usaha untuk mengisi perjawatan pegawai-pegawai sukarela juga sedang dijalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telahpun meminta supaya tuntutan perjalanan angkatan tentera diselaraskan dengan tuntutan perjalanan pegawai-pegawai awam. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat itu, kadar dan peraturan elaun tuntutan perjalanan bagi anggota-anggota tentera sememangnya telahpun diselaraskan dengan kadar peraturan elaun perjalanan bagi pegawai-pegawai awam. Kadar dan peraturan elaun ini adalah terkandung di dalam Perintah Majlis Angkatan Tentera dan adalah sama dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1980 yang dipatuhi oleh pegawai-pegawai awam.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul telah menyarankan supaya Malaysia mengikut contoh negeri Jepun yang menggunakan perbelanjaan yang kurang di atas pertahanan selepas perang Dunia Kedua. Beliau berpendapat sungguhpun ada kegelisahan berlaku di rantau ini, namun ancaman keselamatan ke atas Malaysia boleh dielakkan dengan berkesan melalui cara-cara diplomasi. Saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas pandangan Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, dari segi Kementerian Pertahanan ancaman keselamatan yang sedang dihadapi oleh

Malaysia adalah dari dua segi, iaitu dari dalam dan juga dari luar negeri. Kedua-dua ancaman ini boleh diatasi melalui cara-cara tertentu, iaitu di antara lain ancaman luar negeri melalui proses diplomasi dan manakala ancaman dalam negeri boleh dihadapi dengan ketenteraan dan pembangunan.

Mengenai ancaman luar negeri, penggunaan cara diplomasi memang merupakan satu kebiasaan ataupun amalan dalam menghadapi dan menyelesaikan ancaman yang mungkin timbul, tetapi kekuatan pertahanan perlu diwujudkan bagi menyediakan diri jika berlaku sebarang kemungkinan. Sejarah telah membuktikan bahawa beberapa negara telah tidak dapat mempertahankan kedaulatan negara mereka dari ancaman luar dengan cara-cara diplomasi sahaja. Oleh itu, kekuatan pertahanan perlu bagi negara ini bukan sahaja sebagai menyediakan diri, tetapi sekurang-kurangnya menjadi penghalangan kepada ancaman luar. Berkaitan dengan ancaman dalam negeri pula, kekuatan pertahanan negara merupakan cara yang penting bagi menghadapinya di samping kemajuan sosio-ekonomi dan pembangunan rakyat sebagai benteng menghadapi ancaman dalam negeri. Sekiranya keselamatan dan kemakmuran wujud dan dirasai oleh setiap rakyat maka sudah pasti ini akan mengelakkan mereka dari terjerumus dalam perangkap pengaruh komunis.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar telah mencadangkan supaya cara-cara diplomasi ini diperluaskan di dalam mempertahankan negara. Sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi bidang diplomasi merupakan satu cara bagi menghadapi ancaman kepada negara ini. Di samping itu kekuatan pertahanan dan pembangunan sosio-ekonomi negara perlu dipertingkatkan. Berhubung dengan pameran alat-alat kelengkapan angkatan tentera yang sering diadakan tiap-tiap kali dalam sambutan Ulangtahun Hari Angkatan Tentera Darat, Laut dan Udara, Ahli Yang Berhormat dari Semerah telah membangkitkan bahawa hasil dari pameran tersebut telah menyebabkan anasir-anasir jahat menembak helikopter tersebut. Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, tiap-tiap pameran alat-alat kelengkapan angkatan tentera terlebih dahulu dibuat tapisan yang teliti sebelum ianya dipamerkan kepada umum. Ini tidak bermakna segala maklumat yang sensitif dan terperingkat (classified) didedahkan. Angkatan Tentera mengadakan pameran alat kelengkapannya bertujuan untuk memberi penerangan secara ringkas kepada umum dan membolehkan orang awam mengetahui tentang alat-alat kelengkapan yang digunakan oleh Angkatan Tentera.

Di samping itu, sebagai daya penarik kepada belia-belia menceburkan diri dalam Angkatan Tentera seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit sebentar tadi. Langkah seperti ini memang sentiasa dijalankan oleh Kementerian Pertahanan, bukan sahaja melalui pameran-pameran tetapi juga melalui kempen-kempen menerusi akhbar-akhbar, radio, TV dan lain-lainnya dalam usaha untuk menggalakkan orang-orang awam terutama sekali kaum belia dan beliawanis memasuki Angkatan Tentera.

Dalam rancangan pembesaran Angkatan Tentera, kita juga akan meningkatkan bilangan anggota-anggota tentera dan diharap ianya mendapat sokongan dan sambutan daripada semua pihak.

Ahli Yang Berhormat dari Semerah juga telah menimbulkan bahawa anggota-anggota tentera yang menjatuhkan alamat mereka melalui udara dengan menggunakan botol-botol dengan harapan ada gadis-gadis yang akan menulis surat kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah sukar untuk dikesan oleh kerana sekiranya ia benar-benar berlaku, besar kemungkinan botol-botol tersebut akan pecah ataupun hilang dan tidak kena pada sasarannya. Walau bagaimanapun, disiplin di dalam tiap-tiap penerbangan memang telah menjadi satu faktor yang sentiasa dititikberatkan oleh Angkatan Tentera dan semestinyalah menjadi amalan setiap anggota tentera sama ada Darat, Laut ataupun Udara, ataupun peringkat pegawai-pegawai atau lain-lain pangkat. Pihak Kementerian Pertahanan

memandang berat terhadap perkara seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan perkara-perkara mengenai Kementerian Pertahanan dan jika ada apa-apa perkara yang tidak saya jawab dalam ucapan ini, perkara-perkara ini akan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri.

6.22 ptg.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat atas soal-soal hubungan antarabangsa dan khasnya soal-soal yang berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri.

Saya tidak bercadang untuk menyentuh semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu, walau bagaimanapun, saya akan cuba setakat mana yang boleh, menyentuh perkara-perkara yang penting.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar, membangkitkan soal keanggotaan Malaysia dipilih menjadi Ahli Missi Damai Negara-negara Islam dalam pertikaian Iraq/Iran. Sememangnya pilihan Malaysia itu menjadi satu penghormatan bagi negara kita. Ia juga merupakan satu penghormatan yang diberi oleh negara-negara Islam di atas sikap kita yang sentiasa berpegang teguh kepada perpaduan Ummah Islam. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum perpaduan adalah asas kekuatan Ummah Islam yang menjadi benteng kepada apa-apa ancaman jua sekalipun. Pemilihan keanggotaan Malaysia itu juga merupakan penghargaan atas sikap pengecualian kita yang jitu serta juga merupakan satu pengiktirafan terhadap sikap dasar luar dan peranan yang telah kita mainkan dengan sebegitu bertanggungjawab, gigih dan berdedikasi.

Saya suka mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang kerana memberikan perangsang untuk Kementerian Luar Negeri bergiat dengan lebih kuat lagi demi kepentingan negara dan kesejahteraan antarabangsa. Sebagai sebuah negara yang kecil, memandangkan suasana antarabangsa khususnya rantau ini yang sentiasa bergolak, diplomasi yang mantap dan matang serta berpandangan jauh perlu dimainkan demi untuk survival negara kita khususnya negara-negara yang lain yang ada di dalam rantau ini. Dalam hal ini saya menyambut baik pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu dan Kuala Kangsar yang menyuarakan bahawa selain daripada mempertingkatkan kedudukan pertahanan, diplomasi adalah satu-satu peranan yang menjadi perisai pertahanan negara untuk mengelak sebarang ancaman luar khususnya pertikaian dan peperangan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas pandangan-pandangan dan apa yang saya tidak menjawab dengan khususnya, saya akan ambil perhatian dan mengambil kira dan pertimbangan dengan sewajarnya dalam membincangkan soal-soal dasar luar negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

6.25 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan teguran-teguran mengenai Kementerian Kesihatan semasa perbahasan atas usul Ucapan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah membangkitkan teguran mengenai penubuhan pusat jantung bagi menampung keperluan rawatan untuk pesakit-pesakit jantung.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sememangnya bercadang untuk

menubuhkan satu lagi pusat Cardio-Thoracic di Kuala Lumpur bagi tujuan tersebut.

Sehubungan dengan ini ialah cadangan dari Ahli Yang Berhormat dari Kangar yang telah mengesyorkan pengambilan pakar-pakar jantung dari luar negeri untuk merawat kes-kes sakit jantung.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa satu perkhidmatan rawatan yang lengkap untuk kes-kes sakit jantung bukan sahaja meliputi lantikan pakar-pakar jantung, tetapi juga termasuk pembelian peralatan-peralatan dan kemudahan-kemudahan asas serta latihan kakitangan bantuan (supporting staff) yang terlatih.

Dalam perancangan untuk menubuhkan pusat jantung ini, satu kumpulan khas seramai 11 orang yang terdiri dari doktor, jururawat serta juruteknik akan dihantar ke Sydney, Australia dalam bulan Jun/Julai tahun ini untuk menjalani latihan intensif selama enam bulan dalam bidang pembedahan jantung.

Seseorang pakar bedah jantung—seorang Malaysia juga yang sedang menjalani latihan di Australia—akan kembali ke tanahair-Malaysia untuk menubuhkan Jabatan Pembedahan Jantung sebagai satu langkah interim sebelum satu bangunan baru didirikan untuk menjadikan Cardio-Thoracic ini.

Sementara itu juga, Kementerian Kesihatan sedang merancang penubuhan pusat Cardio-Thoracic ini di Kuala Lumpur sebagai projek jangka masa panjang.

Kementerian juga mempunyai hubungan yang berterusan dengan pihak hospital-hospital di negeri Australia di mana pakar-pakar jantungnya akan dijemput untuk memberi panduan serta nasihat mengenai penubuhan pusat jantung kita. Di samping itu, Kementerian akan menghantar lebih lagi doktor-doktor serta kakitangan bantuan ke negeri Australia untuk menjalani latihan.

Selain dari itu, Kementerian juga berusaha mendapatkan tempat-tempat latihan di negeri-negeri lain untuk merancang rancangan latihan dalam bidang pembedahan jantung.

Perlu saya tegaskan di sini bahawa bidang pembedahan jantung merupakan satu disiplin kepakaran yang memerlukan latihan yang intensif. Oleh yang demikian, penubuhan pusat jantung berkehendakkan perancangan jangka masa panjang yang teliti bagi menjamin kejayaannya.

Ahli Yang Berhormat dari Matang juga mengesyorkan penubuhan Unit Rawatan Rapi (Intensive Care Unit) di peringkat Hospital daerah. Saya suka memaklumkan bahawa penubuhan Unit Rawatan Rapi sedang dijalankan secara berperingkat di mana penubuhannya adalah bersangkutan dengan doktor-doktor yang terdapat di sesebuah hospital. Walau bagaimanapun, Kementerian ada menubuhkan unit ini di beberapa hospital daerah, seperti di Hospital Daerah Muar dan Hospital Daerah Batu Pahat.

Khususnya Yang Berhormat dari Kangar yang menyentuh mengenai amalan post-mortem dengan mengesyorkan supaya amalan ini dikaji semula. Saya suka memberi penjelasan mengenai peranan Kementerian Kesihatan dalam amalan post-mortem.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembedahan mayat biasanya dilakukan di

atas mayat-mayat yang mempunyai implikasi-implikasi dari segi perubatan ataupun dari segi perundangan (medical/legal implications). Seksyen 330 hingga 332 dalam Criminal Procedure Code menentukan keperluan post-mortem atas sebab-sebab tertentu yang ada juga berkaitan dengan pihak polis. Sebaik sahaja arahan dari pihak polis diterima oleh doktor untuk meiakukan pembedahan ke atas mayat tersebut, Pegawai Perubatan hendaklah berbuat demikian bagi menentukan sebab-sebab kematian yang kurang jelas.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada lagi jawapan yang hendak disampaikan?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Ada sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau begitu boleh sambung esok.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, Selasa, 24hb Mac, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.